

PENYATA DEWAN

PERSIDANGAN KEDUA PENGGAL KEEMPAT DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KE-13 PADA 8 OGOS 2016

HADIR:

BIL.	NAMA	ADUN
1.	YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN: Y.B. Dato' Dr. Haji Awaludin bin Said, D.S.N.S., A.N.S., P.M.C.	Kota
2.	MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN: Y.A.B. Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, S.P.N.S., D.S.N.S., P.S.D., D.S.S.A., A.N.S.	Rantau
3.	Y.B. Dato' Haji Hasim bin Rusdi, D.P.N.S., D.M.S.M., P.P.T., J.P., A.N.S., A.M.N., P.M.C., P.J.K.	Labu
4.	Y.B. Dato' Manickam a/l Letchuman, D.P.N.S., P.M.C., P.J.K.	Jeram Padang
5.	Y.B. Dato' Haji Ismail bin Lasim, D.S.N.S., A.N.S., P.M.C.	Senaling
6.	Y.B. Dato' Norhayati binti Omar, D.S.N.S., P.M.C., P.J.K.	Pilah
7.	Y.B. Dato' Haji Shamshulkahar bin Haji Mohd. Deli, D.P.N.S., P.M.C., P.J.K.	Serting
8.	Y.B. Dato' Zaifulbahri bin Idris, D.P.N.S., D.N.S., P.J.K.	Chembong
9.	Y.B. Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias, D.P.N.S., P.G.D.K., D.N.S., J.P.	Pertang
10.	Y.B. Dato' Haji Tun Hairudin bin Abu Bakar, D.P.N.S., J.P., P.M.C., P.J.K.	Bagan Pinang
11.	Y.B. Dato' Abd. Razak bin Ab. Said, D.P.N.S., P.M.C., P.J.K.	Gemas
12.	Y.B. Dato' Haji Abu Ubaidah bin Dato' Haji Redza, D.P.N.S., J.P.	Ampangan
13.	Y.B. Dato' Haji Lilah bin Haji Yasin, D.S.N.S.	Palong
14.	Y.B. Dato' Haji Mohammad Razi bin Haji Kail, D.S.N.S.	Juasseh
15.	Y.B. Dato' Abd. Samad bin Haji Ibrahim, D.P.N.S., D.N.S., J.P., P.M.C., P.J.K.	Seri Menanti
16.	Y.B. Dato' Haji Yunus bin Rahmat, D.S.N.S., D.M.S.M., K.M.N., J.P., P.J.K.	Klawang
17.	Y.B. Dato' Haji Ishak bin Ismail, D.S.N.S., J.P., K.M.N., A.M.N.	Lenggeng
18.	Y.B. Tuan Mohd. Razi bin Mohd. Ali, D.N.S., P.M.C.	Sungai Lui
19.	Y.B. Tuan Haji Abu Samah bin Mahat, D.N.S., A.N.S., P.M.C.	Johol

BIL.	NAMA	ADUN
20.	Y.B. Tuan Mohd. Ghazali bin Abd. Wahid, D.N.S., A.N.S., P.M.C.	Paroi
21.	Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Mohd. Redza	Linggi
22.	Y.B. Tuan Mohd. Isam bin Mohd. Isa, D.N.S., A.N.S., P.J.K.	Gemencheh
23.	Y.B. Tuan Loke Siew Fook	Chennah
24.	Y.B. Tuan Haji Aminuddin bin Haji Harun	Sikamat
25.	Y.B. Tuan Cha Kee Chin	Bukit Kepayang
26.	Y.B. Tuan Gunasekaren a/l Palasamy	Senawang
27.	Y.B. Tuan Chai Tong Chai	Chuah
28.	Y.B. Tuan Ean Yong Tin Sin	Lukut
29.	Y.B. Tuan Yap Yew Weng	Mambau
30.	Y.B. Tuan Ng Chin Tsai	Temiang
31.	Y.B. Tuan Ravi a/l Munusamy	Port Dickson
32.	Y.B. Tuan Veerapan a/l Superamaniam	Repah
33.	Y.B. Puan Mary Josephine Prittam Singh	Rahang
34.	Y.B. Tuan Chew Seh Yong	Bahau
35.	Y.B. Tuan Siow Kim Leong	Lobak
36.	Y.B. Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan	Nilai

**HADIR MENGIKUT FASAL 37(3) UNDANG-UNDANG
TUBUH KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

1. Y.B. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
(Dato' Haji Mat Ali bin Hassan, D.P.N.S., D.P.T.J., J.M.N., P.A.T., A.M.T.)
2. Y.B. PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI, NEGERI SEMBILAN
(Y.B. Dato' Iskandar Ali bin Dewa, D.P.N.S., A.M.P.)

PEGAWAI BERTUGAS

1. SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
(Encik Mohd. Amin bin Ludin, A.N.S.)
2. PENOLONG SETIAUSAHA
(Puan Nurul Izzati binti Ab. Aziz)

BENTARA DEWAN

1. Encik Abd. Halim bin Zakaria

URUSETIA OPERASI

1. Encik Nor Adzman bin Alias
2. Puan Azean binti Ariffin
3. Puan Haslina binti Haji Abu Hassan
4. Puan Rozita binti Zakaria
5. Puan Nelly binti Zahari
6. Puan Hjh. Noor Azlina binti Hj. Asar
7. Encik Khairul Azizi bin Abd. Aziz
8. Encik Shamsul bin Md. Zin
9. Encik Arman bin Pilus
10. Puan Siti Nurhafiza binti Ariff
11. Cik Nur Baizura binti Osman
12. Cik Shima Affiza binti A. Manap
13. Encik Muhammad Firdaus bin Abd. Halim
14. Encik Mohd. Soffian bin Sharif
15. Encik A. Rahman bin Ahmad
16. Encik Mohd. Hafiz bin Zainudin
17. Puan Nurul Shuhaida binti Mohamed
18. Mohamad Shahril bin Mohd Haniff
19. Encik Mohd Hizami bin Abd Samad

20. Encik Sufian Hadi bin Yazid

21. Encik Hazmi bin Abdul Hamid

Setiausaha Dewan: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

[Persidangan dimulakan pada jam 10.02 pagi]

1. MEMBACA DOA

Setiausaha Dewan: Persidangan Kedua Penggal Keempat, Dewan Undangan Negeri Yang Ke-13. Susunan Mesyuarat. Perkara pertama, Membaca Doa. Dipersilakan Yang Berhormat ADUN Sungai Lui.

[Y.B. ADUN Sungai Lui telah membacakan doa di bawah Peraturan 9, Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri]

2. PERUTUSAN YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA DEWAN

Setiausaha Dewan: Perkara kedua, Perutusan Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera. Segala puji bagi Allah, tuhan seru sekalian alam, selawat dan salam buat junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan; Menteri Besar Negeri Sembilan, Yang Berhormat ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan, ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, Dato'-Dato', Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan hadirin yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, kita bertemu kembali dalam Persidangan Kedua Penggal Keempat, Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-13. Sebelum saya memulakan persidangan, seperti mana biasa, saya mengingatkan ahli-ahli Yang Berhormat supaya sentiasa mematuhi Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan sepanjang persidangan ini. Dan saya memohon kerjasama supaya perjalanan persidangan kita berjalan dengan lancar dan harmoni, inshaa Allah. Selamat bersidang.

3. PERINGATAN MESYUARAT

Setiausaha Dewan: Perkara ketiga, Peringatan Mesyuarat. Mengesahkan Peringatan Mesyuarat Pertama, persem, (Perasmian)

Penggal Keempat, Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-13 yang telah diadakan pada 11 dan 12 April 2016.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Peringatan Mesyuarat Kali Pertama yakni Perasmian, Penggal Keempat, Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-13 yang telah diadakan pada 11 dan 12 April 2016 telah pun diedarkan salinannya. Oleh itu ada apa-apa teguran? Sekiranya tiada, diharap seorang ahli mencadangkan dan seorang ahli menyokong supaya disahkan.

5:10

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon izin untuk mencadangkan supaya Peringatan Mesyuarat tersebut disahkan.

Y.B. ADUN Labu: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju Peringatan Mesyuarat ini disahkan, sila angkat tangan [semua 34 orang ahli Yang Berhormat yang hadir bersetuju]. Yang tidak bersetuju? Yang berkecuali? Peringatan Mesyuarat ini disahkan.

[Y.B. ADUN Seri Menanti tiada di Galeri Persidangan ketika undian dijalankan]

[Peringatan Mesyuarat Kali Pertama (Perasmian) Penggal Keempat, Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-13 yang telah diadakan pada 11 dan 12 April 2016 disahkan tanpa pindaan dan Y.B. Yang Dipertua Dewan menandatangani Peringatan Mesyuarat tersebut.]

4. MEMBENTANGKAN KERTAS DEWAN

Setiausaha Dewan: Perkara keempat, Membentangkan Kertas Dewan.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dimaklumkan tiada Kertas Dewan untuk dibentangkan di persidangan kali ini.

5. MEMBENTANGKAN LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN

Setiausaha Dewan: Perkara kelima, Membentangkan Laporan Dan Penyata Kewangan. Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Rantau.

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun membentangkan Laporan dan Penyata Kewangan yang ada di hadapan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Nombor 1, Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Kerajaan untuk 2013, 2014 dan 2015. Ini PAC ya, laporan. Kedua, Laporan Ketua Audit Negara untuk tahun 2015 – Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan Siri 1. Ini laporan Siri 1, Dato' Dipertua, daripada Ketua Audit Negara sebab laporan Ketua Audit sekarang dia berfasa, Siri 1, Siri 2. Kita bentangkan jugak kepada Dewan yang mulia hari ini, tentang kita punya laporan Ketua Audit Negara untuk Siri 1. Dan yang ketiga, Penyata Kewangan dan Sijil Akuan Ketua Audit Negara untuk Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Laporan dan Penyata Kewangan adalah dibentangkan.

6. PERTANYAAN-PERTANYAAN

6.1 Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Lisan

Setiausaha Dewan: Perkara keenam, Pertanyaan-Pertanyaan. Pertama, Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Lisan.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Dipersilakan ADUN Linggi.

Y.B. ADUN Linggi: Dato' Yang Dipertua, saya mohon izin untuk bertanyakan soalan pertama.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, berkenaan dengan, soalan berkenaan dengan laporan, litup, liputan internet di kawasan-kawasan luar bandar. Memang dah jadi hasrat Kerajaan Negeri Sembilan dan akan kita jadikan sebagai satu dasar nanti, Dato' Yang Dipertua, apabila kita melancarkan Dasar Pembangunan Luar Bandar yang sedang kita rangka, yang sedang kita rancang Dato' Dipertua, insha Allah, kalau boleh pertengahan tahun depan, ataupun hujung tahun depan, untuk

kita melengkapkan pembangunan di seluruh Negeri Sembilan. Kita ada pembangunan 30 tahun Dato' Yang Dipertua, iaitu Rancangan Pembangunan Dan Pemodenan 30 Tahun Negeri Sembilan 2015 - 2045.

Tetapi seperti yang telah pun pihak kerajaan, yang saya telah katakan pada persidangan dalam Dewan yang kita bersidang sebelum ini, bahawa dasar-dasar ini perlu kita pasak. Dasar Pembangunan Dan Pemodenan 30 Tahun Negeri Sembilan perlu kita pasak untuk kita mengukuhkan. Ia merupakan tiang seri Dato' Yang Dipertua, iaitu tiang seri yang mana semua kita di Negeri Sembilan akan menumpukan seluruh tumpuan kita kepada dasar 30 tahun pembangunan dan pemodenan negara, Negeri Sembilan ini.

Tetapi tiang seri ini tidak akan kukuh jika ia tidak dipasak dengan dasar-dasar sampingan, dasar-dasar sampingan yang mana ia akan menegakkan tiang seri ini dan dia dapat menentukan supaya jajaran tiang seri ini, ataupun dasar 30 tahun ini, tidak nanti tersasar Dato' Yang Dipertua. Dan tiang seri ini pulak, untuk mengukuhkannya kita telah ada satu dasar yang lebih besar iaitu Dasar Jaringan Keselamatan Sosial. Yang mana ia akan terus menjadi sebagai batu landasan ataupun platform kepada tiang seri kita ini.

Maka Dasar Pembangunan Luar Bandar Dato', Dato' Yang Dipertua, adalah dasar pelengkap untuk kita melengkapkan kita punya dasar 30 tahun pembangunan dan pemodenan Negeri Sembilan. Kita dah buat Dasar Perumahan Kerajaan Negeri Sembilan. Itu jugak sebagai memasak supaya isu perumahan, kita nak bangunkan negeri, kita nak majukan negeri, memang terdapat nanti pembangunan yang pesat. Pembangunan perumahan, industri dan yang lain-lain. Tetapi jika pembangunan ini tidak kita perkukuhkan dan perkasakan dengan dasar-dasar sampingan, ataupun dasar-dasar intervensi oleh kerajaan, ia akan menyebabkan pembangunannya tidak akan dapat dijalankan dengan cara yang baik. Ia tidak akan dapat memenuhi citarasa kerajaan iaitu falsafah utama kita ialah untuk kita memaju dan membangunkan Negeri Sembilan dan terus mensejahterakan rakyat. Itu kita punya *tagline* kita, membangun dan memajukan negeri, tetapi akan terus mensejahterakan rakyat. Apa sahaja isu yang berkenaan dengan kesejahteraan rakyat, adalah menjadi keutamaan kerajaan.

Kita tak mahu bangunkan negeri, majukan negeri, tetapi dia terus melonjak terus ke depan, rakyat terus tercicir dan pembangunan pulak nanti akan mengakibatkan macam-macam masalah. Pembangunan akan mendatangkan isu-isu sampingan yang mana ia menyebabkan rakyat tertekan dan akhirnya rakyat akan terus ter, tidak dapat menikmati erti sebenar pembangunan tersebut. Tidak ada maknanya kita bangunkan

negeri, tidak ada maknanya kita memajukan negeri jika ia tidak dapat disertai bersama oleh rakyat. Ini asas pertimbangan-pertimbangan yang kita buat apabila kita membuat dasar-dasar di Negeri Sembilan.

Jadi Dasar Perumahan misalnya Dato' Yang Dipertua, Dasar Perumahan Kerajaan Negeri Sembilan, kita dah luluskan di Dewan ini, kita dah bawa yang mana kita mewajibkan semua pemaju mesti membina, untuk memajukan 10 ekar ke atas mesti membina, Dato' Dipertua, sekurang-kurangnya 50 peratus Rumah Mampu Milik. Rumah Mampu Milik pulak ada beberapa kategori, A, B dan C. Yang mana ada berharga 80 ribu ke bawah dan sebagainya. Dia mengambil kira lapisan-lapisan struktur masyarakat Dato' Yang Dipertua, yang berpendapatan rendah, berpendapatan sederhana, yang lain-lain.

Rumah kos murah pulak, ataupun Rumah Mampu Milik yang benar-benar untuk rakyat termiskin, akan terus dibina oleh kerajaan Dato' Yang Dipertua, melalui SPNB, melalui berbagai-bagailah agensi-agensi kerajaan yang telah pun ditubuhkan dan melalui jugak Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan. Dan alhamdulillah, dengar khabarnya Kabinet yang bersidang pada minggu lepas, Kabinet telah bersetuju untuk memutuskan satu dasar iaitu semua rumah-rumah ini akan dijadikan sebagai rumah sewa dan beli. Dia sekarang ni ada dua jenis, rumah sewa beli ada, rumah beli pun ada, ya. Dan rumah sewa sahaja sepanjang hayat pun ada jugak. Jadi ini adalah asas dan dasar kerajaan, kita ucap banyak terima kasih kepada Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan, terima kasih kepada Kerajaan Pusat di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Seri Najib; Perdana Menteri kerana mengambil kira isu, masalah semasa yang dihadapi oleh masyarakat.

Jadi, kalau rumah ni dalam kategori yang dibina oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Dato' Yang Dipertua, (14.11) sewa dan beli itu, maka ramai orang yang mampu. Kita dah buat Dato' Yang Dipertua, melalui Kerajaan Perumahan Dan Kerajaan Tempatan. Di Seliau, misalnya ya. Di selaman, di taman apa tu Dato' Yang Dipertua? Seliau Jaya ya. Di Seliau Jaya. Estet dulu tu Dato' Dipertua, iaitu kita dah janji dah banyak dah, dah lama dah, tiga empat pilihan raya kita dah janji, untuk membina rumah-rumah untuk pekerja-pekerja estet di situ. Kita bina tapi kita buat jual, Dato' Yang Dipertua. Jadi orang bekerja di situ ada yang telah pun tak bekerja lagi Dato' Yang Dipertua. Ada yang telah tak ada mampu lagi dan tak dapat untuk mendapatkan bayaran 10 peratus, 20 peratus. Tetapi alhamdulillah, Kerajaan Persekutuan melalui agensi di bawah Kementerian Kewangan dan Kerajaan Tempatan ada jugak menyediakan untuk mendapatkan deposit untuk pembeli rumah pertama.

Berkenaan dengan internet ni, liputan internet ni, Dato' Dipertua. dalam Dasar Pembangunan Luar Bandar nanti yang akan, yang bakal kita bentang di Dewan ini Dato' Yang Dipertua, ialah, dasar untuk kita melengkapkan supaya luar bandar masih juga akan dapat jugak menikmati dan jugak merasai erti pembangunan. Luar bandar mesti jugak kita bangunkan dalam erti kata *inverted* Dato' Yang Dipertua, bukan membangunkan, membawa bangunan pencakar langit ke apa ke, tetapi supaya apa sahaja kemudahan-kemudahan asas yang perlu ada, perlu kita adakan. Misalnya mengapa orang terpaksa keluar daripada luar bandar duduk di bandar. Misalnya pengangkutan awam. Kerana mereka tidak boleh berulang-alik hari-hari. Bekerja di Seremban, ataupun bekerja di pekan-pekan besar, tetapi terpaksa berhijrah ke pekan-pekan besar, ke bandar kerana mereka tak boleh berulang-alik hari-hari. Masalah infrastruktur jalan yang tidak baik ataupun yang tidak ada. Ini kita kaji dan ini yang kita akan buat Dato' Yang Dipertua. Dan termasuklah mengapa anak-anak muda sekarang tak mahu duduk di kampung. Ada beberapa perkara yang telah pun kita kenal pasti, telah, sedang kita kumpulkan, yang telah pun mintak, kita mintak akar umbi, pemimpin akar umbi supaya memberikan kita maklum balas. Apa masalah yang ada di desa. Apa masalah yang ada luar bandar. Mengapa orang bandar terpaksa ataupun mesti keluar daripada kampung ke bandar. Dan antaranya ialah masalah-masalah seperti liputan internet dan macam-macam lagi.

Makanya ini sedang, telah pun dibuat. Bukan tak ada dibuat, Dato' Dipertua, di bawah Kementerian, di bawah Suruhanjaya Komunikasi Malaysia, ya, Multimedia Malaysia, Dato' Dipertua, dan banyak dah kita buat. Dah berpuluh-puluh dah pusat internet 1Malaysia kita buat. Kita mintak *on best effort basis*, Dato' Yang Dipertua dengan izin, ataupun dengan seboleh mungkin, Dato' Yang Dipertua, kita nak buat Pusat Internet 1Malaysia ni boleh buat sekurang-kurangnya satu dulu dalam setiap-tiap satu Dewan Undangan Negeri dulu ya. Tapi kalau boleh, kita perbanyakkan.

Jadi, ini sedang diuruskan oleh SKMM melalui agensi-agensi mereka. Dan mereka berunding terus dengan telco-telco, Dato' Yang Dipertua. Ada telco yang diberi enam, 5 ke 6, seperti Maxis, di Linggi misalnya, Yang Berhormat Linggi kan, dia di bawah Maxis kan. Dia di bawah Maxis. Di tempat lain di bawah Celcom, di bawah tempat lain di bawah tempat Digi. Ini, diuruskan oleh SKMM. Tetapi kita, Kerajaan Negeri memantau dan kita memilih tempat, Dato' Yang Dipertua, mana yang sesuai. Alhamdulillah, Dato' Yang Dipertua, dengan pembukaan Pusat Internet 1Malaysia ini, Dato' Yang Dipertua, banyak kita dapat faedah. Nombor 1 ialah SKMM memberikan kemudahan untuk lebih kurang, lebih pada 10 biji komputer. Tengok keluasan tempat tersebut Dato' ya. Ramai, ada dia punya petugas. Ada tenaga pengajar yang disediakan,

yang diberikan oleh SKMM, Dato' Dipertua, yang mana dia boleh melatih pelajar-pelajar dan orang ramai. Itu satu.

Nombor dua, pusat ini juga Dato' Dipertua, memberikan kemudahan kepada penduduk di kawasan sekitar, mana-mana yang mereka yang memerlukan kemudahan internet, mana yang berniaga memerlukan ruang untuk mereka memasarkan barangan mereka melalui alam maya, mereka boleh menggunakan ini. Ini secara percuma Dato' Yang Dipertua. Melalui rekod ataupun melalui daripada maklum balas yang kita dapat, Dato' Yang Dipertua, Pusat Internet 1Malaysia ini Dato' Dipertua, amat banyak di, di, dikunjungi dan amat popular Dato' Yang Dipertua. Jadi, alhamdulillah.

Jadi Kerajaan Negeri pulak bukan itu saja. Kita jugak ada jugak benda, cara lain kita buat melalui Pusat Internet Desa. Haa itu di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Kita jugak ada perpustakaan desa yang mempunyai *internet facilities* Dato' Yang Dipertua, dan macam-macam lagi. Jadi, liputan ini dari semasa ke semasa kita pantau dan kita buat, Dato' Yang Dipertua, dan supaya ianya (19.20) dapat menjangkau kepada kawasan-kawasan luar bandar. Di dalam bandar kita ada pusat wifi percuma kan, *NS Wireless City*. Kita buat, Dato' Dipertua, beberapa tempat yang ada kita bagi *NS Wireless City* dan yang lain-lain.

Dalam pada itu Yang Dipertua, kita jugak melihat untuk kita menggunakan kemudahan yang sedia ada. Kemudahan dah sedia ada. Kerana kadang-kadang isu untuk membu, untuk membina Dato' Dipertua, membina apa tu, menara tu menjadi isu jugak. Tak ada tempatlah. Orang marahlah. Baru-baru ini keluar dalam TV3 kan, dalam mana, Sinar, apa Astro, orang di Subang Jaya marah kerana nak buat dia punya menara dekat kawasan mereka. Memang isu masalah begini.

Jadi dalam kita punya perancangan desa jugak, Dato' Seri, perancangan, Dato' Yang Dipertua, kita telah pun, Kebenaran Merancang kita telah letakkan sebagai salah satu syarat iaitu supaya mesti diadakan tapak, tapak komunikasi. Sebab menara telakomunikasi ini dah merupakan sesuatu yang dah wajib dah ada dah. Jadi adalah lebih baik dan lebih bagus supaya bila Kebenaran Merancang dilihat oleh PBT-PBT ataupun Jabatan Perancang Bandar Dan Desa, mereka melihat secara lebih luas lagi, kawasan mana yang nak dibangunkan tersebut, mana menara yang paling dekat. Kalau menara paling dekat jauh, tak sampai situ, mereka akan memastikan supaya pembangunan tersebut mesti ada tapak menara telekomunikasi. Jadi senang dah, awal-awal kita dah ada, sediakan tapak supaya ianya dapat digunakan dan kemudahan menara ini dapat dibina dengan segera. Masalah nak mencari tapak menara

menjadi isu Dato' Yang Dipertua. Dan kita kadang-kadang ada masalah jugaklah di kawasan-kawasan tertentu sebab tak ada tanah ataupun tempat yang sesuai.

Nombor dua, dalam kita nak menarik, ini cerita di masjid, Dato' Yang Dipertua. Macam mana kita menginstitusikan masjid, macam mana kita nak pastikan supaya orang ramai, terutamanya anak muda datang ke masjid, datang ke surau, kerana sekarang ini anak muda banyak yang segan silu nak pergi masjid. Tak biasa, daripada kecil tak biasa pergi masjid, dah besar Dato' Dipertua, dah jadi remaja, nak masuk masjid, (21.52) nak masuk pintu pagar masjid, mereka rasa macam susah kan, macam teruja nak masuk. Jadi, apa yang telah pun kita fikirkan, Dato' Yang Dipertua, saya telah pun meluluskan. Selaku Pengerusi Majlis Agama Islam, kita dalam Majlis Penuh Majlis Agama Islam, kita telah meluluskan bahawa untuk menarik minat, menjadikan masjid sebagai institusi masyarakat, *membawak* ataupun menarik ramai lagi terutamanya golongan muda datang ke masjid dan surau, maka kita telah meluluskan, Kerajaan Negeri pun sedang merancang untuk meluluskan, Dato' Yang Dipertua, iaitu semua menara masjid, semua menara masjid dan surau-surau yang besar yang ada menara, kita meluluskan sebagai menara telekomunikasi.

Jadi, ini Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat DUN Linggi, masjid pun banyak di desa. Jadi secara automatik dia akan merangkumi Dato' Yang Dipertua, liputan yang lebih luas lagi apabila kita ada nanti setiap menara masjid dan surau yang besar, yang kita boleh jadikan sebagai menara telekomunikasi. Maka kita benarkan, kita serahkan nanti kepada Perbadanan Wakaf yang menguruskan masjid-masjid dan surau seluruh Negeri Sembilan. Dan Perbadanan Wakaf pulak akan berunding dengan Kerajaan Negeri, dengan pusat-pusat sehenti masing-masing untuk mendapat kebenaran. Dan kita pulak nanti kita akan macam buat macam SKMM, kita bahagikan-bahagikan kepada telco-telco yang lain. Jangan satu telco tu dapat Seremban saja. Dapat 10 Seremban, dia mesti *cover* 20 di luar bandar kerana dia punya *traffic volume* di bandar lebih tinggi, dia punya *business viability* dia lebih tinggi, dengan izin Dato' Dipertua. Jadi kita bahagikan. Bukan satu telco saja satu tempat.

Jadi ini Dato' Yang Dipertua, dengan syarat kita bagi (23.46) menara masjid dan surau yang besar menaranya menara telekomunikasi dengan syarat supaya telco-telco ini memberikan perkhidmatan wifi percuma di kawasan sekitar masjid tersebut. Dan masjid jugak akan mendapat imbuhan bulanan daripada syarikat tersebut. Jadi, banyak serampang, banyak mata kita buat Dato' Dipertua, dengan ini kita akan secara automatik, lebih kurang ada 300 buah masjid di seluruh Negeri Sembilan akan secara automatiknya mendapat kemudahan wifi

percuma di seluruh negeri. Dan ada surau-surau yang besar yang ada menara (24.24) jugak akan kita berikan kemudahan wifi percuma, maka anak-anak sekolah, anak-anak belia apa semua nak buat ulang kaji, nak buat apa-apa, buat kertas kerja yang memerlukan orang kata, memerlukan kemudahan internet, boleh pergi ke masjid sambil nak menunggu waktu nak buat ulang kaji, sambil nak menunggu waktu boleh *browse through internet*, bukan main Pokemon-lah Dato' Yang Dipertua ya. Buat kerja sekolah, buat kerja-kerja ataupun belia-belie yang ada berniaga ataupun pengusaha-pengusaha kecil di desa-desa nak memasarkan barangan mereka, boleh memasarkan dengan kemudahan internet percuma yang bakal kita wujudkan di setiap masjid, Dato' Yang Dipertua.

Jadi ini adalah merupakan beberapa perkara, cara yang kita buat, untuk kita menyebarkan liputan, *internet coverage* ini Dato' Dipertua. Dan kemudahan internet (25.24) ini kerana kita tak mahu nanti kemajuan internet ataupun pembangunan yang dibuat nanti dia senget. Cuma di bandar saja, di luar bandar tak dapat. Jadi, terima kasihlah kepada YB Linggi kerana membongkar ataupun *membawak* soalan ini. Jawapannya, ya. Bukan saja itu saja, bermacam-macam kita nak buat lagi ya, berbagai-bagai cara untuk kita buat.

Dan dalam dasar yang akan saya bentangkan, yang akan kerajaan bentangkan Dato' Yang Dipertua, Dasar Pembangunan Luar Bandar yang komprehensif nanti, Dato' Yang Dipertua, semua kemudahan-kemudahan yang perlu, yang ada di bandar, akan kita cuba *bawak* ke luar bandar supaya tidak ada *force migration* ataupun penghijrahan terpaksa, Dato' Yang Dipertua, daripada luar bandar ke bandar. Kerana bila ada *force migration*, *force migration* ini, dengan izin, akan menyebabkan keadaan kesesakan dan permintaan yang tidak sepatutnya wujud. Orang datang ke bandar, nak beli rumah tak mampu, mereka terpaksa menyewa rumah, sewa rumah akan tinggi dan macam-macam lagi. Jadi, meninggikan kos sara hidup. Ini adalah *artificial inflation* Dato' Yang Dipertua.

Jadi sebagai kerajaan, kita akan menyekat ataupun kita akan mengekang. Dan seboleh mungkin tidak mahu melihat supaya *artificial inflation* ini terjadi dengan sendirinya Dato' Dipertua, kerana kelemahan dasar kita. Kerana kita tidak dapat menyediakan kemudahan, maka rakyat terpaksa berkumpul, bertumpu di satu tempat, maka tempat tersebut akan menjadi sesak, tempat tersebut akan menjadi sebagai tempat yang mana kos sara hidupnya melambung tinggi dengan tak boleh kita kawal lagi. Ini yang sedang dan kita rancang Dato' Yang Dipertua, inshaa Allah pertengahan ataupun hujung tahun depan, kita boleh dan kita akan dapat

bentangkan di Dewan yang mulia ini, iaitu satu dasar komprehensif berkenaan dengan Dasar Pembangunan Luar Bandar untuk menjadi pasak, memasak tiang seri kita, memasak dasar 30 tahun rancangan pembangunan 30 tahun Negeri Sembilan 2015 – 2045. Terima kasih Dato' Dipertua.

Y.B. ADUN Linggi: Terima kasih Dato' Dipertua. Pertamanya izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah serta syabas atas jawapan Yang Amat Berhormat Rantau yang begitu jelas, komprehensif dan berfokus. Beliau juga ada menyentuh tentang kewujudan Pusat Internet 1Malaysia di Linggi. Saya boleh sahkan di sini bahawa pusat ini memang sangat-sangat berguna dan dimanfaatkan, dimanfaatkan sepenuhnya. Dan saya juga tertarik dengan rancangan untuk kita menggunakan menara-menara masjid sebagai menara telekomunikasi. Di kesempatan ini, kalau boleh Masjid Linggi yang baru nak siap kita jadikan sebagai menara telekomunikasilah. Izinkan saya untuk tanyakan soalan kedua.

Y.B. ADUN Labu: Dato' Yang Dipertua, bagi menjawab soalan yang kedua ini, Dewan Undangan Negeri Linggi, kita perlu melihat sebenarnya terlebih dahulu data-data yang sedia ada dan jugak perancangan-perancangan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri dan jugak yang akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mengikut data pengeluaran nilai ternakan pada tahun 2015, kadar pengeluaran daging lembu di Negeri Sembilan adalah sebanyak 1,423 metrik tan berbanding jumlah permintaan dari pengguna sebanyak 3,720 metrik tan. Jumlah ini menunjukkan bahawa sara diri daging lembu di Negeri Sembilan hanyalah pada tahap 38.25 peratus. Peratus ini jauh lebih tinggi jika dibandingkan di peringkat nasional iaitu pada tahap 27 peratus. Perbandingan pengeluaran daging lembu di Negeri Sembilan bagi tahun 2015 dan 2014 pula, menunjukkan pengeluaran daging bagi tahun 2015 sebanyak 14.65 peratus. Peningkatan ini menunjukkan perancangan Kerajaan Negeri melalui Jabatan Veterinar di sepanjang Rancangan Malaysia Ke-10 iaitu dari tahun 2011 hingga 2015, telah menunjukkan peningkatan pengeluaran daging lembu di Negeri Sembilan.

Yang Berhormat Yang Dipertua, oleh yang demikian, melalui Rancangan Malaysia Yang Ke-11, perancangan industri ternakan khasnya pengeluaran daging lembu di Negeri Sembilan, dipertingkatkan bukan sahaja untuk menumpukan pada musim perayaan sahaja, tetapi ianya meliputi kepada keperluan daging di

negeri dan jugak di negara. Perancangan ini adalah berteraskan kepada rancangan struktur Negeri Sembilan yang bermula daripada 2015 hingga 2045 dan juga berteraskan kepada Dasar Agro Makanan Negara.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, antara perancangan yang disusun adalah seperti berikut. Pertama, memberi penumpuan pembangunan ternakan khasnya ternakan ruminan seperti lembu, kerbau, kambing dan kambing biri-biri di kawasan Agropolis. Yang kedua, mengoptimumkan pengeluaran padang ragut ke arah bersifat komersial dan secara integrasi dengan aktiviti-aktiviti pertanian lain. Yang ketiga, pembangunan sektor ternakan secara komersial dengan penumpuan kepada projek bertaraf semi-komersial dan komersial. Dan keempat, pembangunan kepakaran sumber manusia melalui latihan formal dan tidak formal bagi menjadikan tenaga manusia (31.37) yang berkemahiran, inovatif dan mengamalkan teknologi dalam ternakan.

Yang Berhormat Yang Dipertua, walau bagaimanapun, bagi tempoh jangka pendek khasnya menjelang musim perayaan, ditambah pula dengan lonjakan permintaan daging yang tinggi, pihak Kerajaan Negeri semenjak tahun 2008 sehingga tahun ini melalui pelaksanaan Strategi Lautan Biru Peringkat Negeri Sembilan telah melaksanakan program yang sangat popular kini iaitu Program Mantai Perdana Negeri Sembilan bagi membantu sebahagian golongan yang memerlukan bagi mendapatkan daging pada kadar harga yang rendah berbanding harga di pasaran semasa. Dalam program Mantai Perdana Negeri Sembilan sehingga kini kita masih dapat mengekalkan harga daging yang murah yang dijual pada kadar RM20.00 ringgit sekilogram.

Selain daripada itu juga, pihak kerajaan melalui Jabatan Veterinar turut menggalakkan para penternak menyusun jadual pemasaran ternakan agar bekalan ternakan semasa musim perayaan mencukupi dan tidak berlaku kekurangan yang memungkinkan harga melonjak disebabkan oleh faktor permintaan yang tinggi. Yang Berhormat Yang Dipertua, saya yakin dengan adanya perancangan pembangunan industri ternakan khasnya pengeluaran daging yang tersusun dan bermatlamat di Negeri Sembilan ini, ADUN Linggi, maka keperluan daging yang mencukupi untuk penduduk Negeri Sembilan dapat dipenuhi sepanjang masa termasuklah di hari-hari perayaan. Sekian Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan, terima kasih.

Y.B. ADUN Linggi: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Antara perkara yang selalu dijadikan alasan oleh pihak yang menjual lembu ini adalah bahan makanan lembu itu terlalu mahal dan harganya sentiasa

meningkat. Sejauh manakah alasan ini benar? Dan jika benar, apakah tindakan atau usaha untuk memastikan yang kita punyai bahan makanan yang mencukupi dan harga yang berpatutan.

Y.B. ADUN Labu: Dato' Yang Dipertua, memang, kita akui bahawa ketika ini di pasaran harga bahan makanan untuk ternakan ini melambung tinggi. Ini tidak boleh kita nafikan kerana ini adalah merupakan faktor-faktor dari segi faktor bahan-bahan itu sendiri yang meningkat terutamanya apabila berlaku kenaikan harga minyak, kenaikan harga-harga barang yang menyebabkan ianya menjadikan harga bahan makanan ini melonjak tinggi. Tapi walau bagaimanapun, bagi pihak Jabatan Veterinar ya, kita cuba membantu sebaik mungkin ya, yang mana penternak-penternak yang boleh kita bantu untuk mendapatkan harga kilang, kita akan pastikan bahawa kita jugak membantu bagi penternak-penternak ini. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Soalan seterusnya.

Y.B. ADUN Linggi: Izinkan saya

Y.B. ADUN Palong: Soalan tambahan boleh tak Dato' Yang Dipertua?

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Satu, Yang Berhormat. Tadi soalan tambahan kan. Soalan seterusnya.

Y.B. ADUN Palong: Soalan tambahan, boleh tak?

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Okay, silakan.

Y.B. ADUN Palong: Terima kasih. Kekurangan pengeluaran daging lembu di Negeri Sembilan. Dato' Yang Dipertua, ini adalah masa yang terbaik exco untuk menimbangkan cadangan dan pandangan serta pertanyaan saya. Pertama, dalam bajet yang Exco buat tahun depan, boleh tak tukar perbelanjaan ini dibelanjakan di kawasan Negeri Sembilan Timur kerana Negeri Sembilan Timur inilah kawasan pertanian, kawasan Negeri Sembilan Timur inilah kawasan penternakan. Bajet yang sebelum ini semuanya banyak di Negeri Sembilan Barat.

Yang kedua, saya nak tanya, adakah Yang Berhormat bercadang ataupun boleh menerima cadangan saya untuk mengambil pengusaha-pengusaha penternak lembu dan kerbau yang sedia ada sekarang terutama sekali di rancangan tanah felda, yang memang sudah pun menternak, yang sudah pun memelihara lembu dan juga kerbau. Dan mereka ini diberikan insentif dengan menambah modal, menambah pengeluaran, menambah baka. Dan saya ingat dengan kemahiran dan kepakaran mereka, kita boleh melonjakkan hasil daging pada masa yang akan datang.

Y.B. ADUN Labu: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pertama saya nak maklumkan di Dewan yang mulia ini, sebenarnya kita di Negeri Sembilan ini memang kita mempunyai zon. Zon yang telah kita tentukan untuk pengeluaran ternakan iaitu pertama, Jempol ya, Rembau, Kuala Pilah, Jelevu dan juga bagi Daerah Tampin. Ini memang kita telah zonkan sebagai kawasan untuk kita membanyakkan ternakan-ternakan di kawasan ini.

Dan cadangan yang diberikan oleh Yang Berhormat ADUN Palong itu saya rasa memang amat baiklah ya, kerana dalam dasar yang kita buat di Negeri Sembilan ya, terutamanya dalam kita nak memajukan ladang satelit yang ada, iaitu sebanyak 29 buah ini, sebenarnya 21 daripadanya telah kita tentukan untuk penternak ataupun pedaging ini. Dan jugak dalam masa yang sama, kita memang memberi peluang yang luas kepada penternak-penternak yang sedia ada untuk mengisi tempat-tempat yang kosong ini.

Dan dalam masa yang sama, seperti yang sebut tadi, di mana di kawasan-kawasan felda ini sudah mempunyai penternak yang memang sudah mempunyai daya saing yang tinggi supaya dapat dibantu. Kita khuatir jugak, kalau kita bantu tempatnya itu bukan tempat yang ditentukan oleh kerajaan, tempat itu adalah merupakan tempat FELDA. Kita khuatir kalau tidak FELDA tidak membenarkan, itu pun jugak satu masalah. Sebab itulah ya, kita nak memastikan sekiranya bantuan yang nak disampaikan itu, memastikan bahawa tempat itu memang tempat yang dibenarkan dan jugak mempunyai kemudahan-kemudahan. Kalau tak ada kemudahan-kemudahan pun masalah jugak.

Tapi walau bagaimanapun, bagi pihak portfolio pertanian dan industri asas tani negeri, kita mengambil kira apa yang disarankan oleh Yang Berhormat ADUN Palong itu. Terima kasih.

Y.B. ADUN Linggi: Dato' Yang Dipertua, izinkan saya bertanyakan soalan ketiga.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, judi haram siber, judi siber haram ni Dato' Yang Dipertua, merupakan suatu, dah menjadi suatu ancaman ya, masalah masyarakat. Yang mana ia telah pun menular, bukan sahaja di bandar-bandar tapi dah masuk sampai luar bandar, Dato' Yang Dipertua, ya, dah sampai ke luar bandar kegiatan judi siber haram ni, yang mana dia diuruskan ataupun dilakukan secara haram. Dulu, Dato' Dipertua, judi-judi haram siber ini ataupun judi siber haram ni Dato' Dipertua, banyak dijalankan di pusat-pusat hiburan keluarga. Berbagai-bagai tindakan kita buat, berbagai-bagai serbuan kita buat. Kita rampas barang, pun, lepas tu Dato' Dipertua, mereka bukak semula.

Akhirnya kita telah keluar arahan. Kerajaan Negeri telah mintak supaya semua PBT-PBT tidak lagi memperbaharui lesen pusat hiburan keluarga dan tidak ada lesen baru yang boleh dikeluarkan. Itu merupakan arahan Kerajaan Negeri. Walaupun kadang-kadang Dato' Dipertua, kita tak nak mahu sangat campur, ataupun tak mahu sangat membuat dasar-dasar intervensi macam ni ya, tetapi memandangkan ia dah menjadi isu masyarakat, masalah orang ramai, banyak orang yang terjebak dalam masalah judi ini, rumahtangga berpecah belah Dato' Yang Dipertua, sewa rumah tak bayar, ansuran rumah tak bayar, sewa kereta, ansuran kereta tak bayar, bil elektrik tak bayar, bil air tak bayar, anak tak pergi sekolah. Macam-macam Dato' Dipertua. Jadi kita telah buat dasar supaya pusat hiburan keluarga tak boleh lagi diperbaharui dan tidak boleh lagi dikeluarkan. Alhamdulillah.

Tapi, yelah, nama pun haram Dato' Dipertua, dia bukak tempat lain. Lepas tu pulak dia masuk pulak ke pusat-pusat apa dipanggil sebagai kafe ya. Mula dulu pusat snuker, kita tutup. Macam-macam Dato' Dipertua. Sudah besok semua *kodai* Negeri Sembilan terpaksa kita tutup, Dato' Dipertua, sebab mereka menyamar dan mereka menggunakan kemudahan seperti ini. Jadi kita merasa amat tertekan Dato' Yang Dipertua. Kerajaan tertekan kerana ini telah menjadi masalah sebab tak guna kita bangunkan Kerajaan Negeri tak bangun, tak guna kita ada rizab banyak dalam akaun tapi masalah masyarakat tak dapat kita tangani.

Itu sebabnya saya katakan tadi, asas kita, falsafah utama Kerajaan Negeri Sembilan ialah "membangunkan negeri, mensejahterakan rakyat". Kesejahteraan rakyat tersebut tergugat Dato' Yang Dipertua, kerana masalah judi siber haram ni. Jadi apa yang kita buat ialah kita telah tubuhkan satu jawatankuasa peringkat tinggi, Dato' Yang

Dipertua, yang sama tarafnya dengan jawatankuasa bencana alam, ya. *We have elevated*, dengan izin, jawatankuasa ni sebagai bertaraf jawatankuasa kecemasan bencana alam. Kita dah ambil kira dia sebagai satu bencana Dato' Dipertua. Begitu seriusnya Kerajaan Negeri nak menangani masalah judi siber haram ini Dato' Yang Dipertua, kita letakkannya sama taraf dengan bencana alam ya. Yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan dan dianggotai oleh semua YDP-YDP termasuk jugak pasukan keselamatan.

Maka kita buat berbagai-bagai, serbuan demi serbuan kita buat, beribu serbuan Dato' Dipertua. Untuk tahun daripada Januari sampai Jun saja Dato' Dipertua, hampir 3,000 lebih serbuan kita buat. Bukan tak buat Dato' Yang Dipertua, orang tuduh kita tak buat kerja. Orang tuduh kerajaan tak buat kerja. PBT tak buat kerja. Polis tak buat kerja. Sebenarnya 3,000 lebih serbuan kita buat. Dan, hampir 1,000 lebih, dalam masa enam bulan, 1,000 peralatan komputer ni, Dato', Dato' Dipertua, kita rampas. Itu baru tahun ni saja.

Sekarang ni masalah pulak dah, mana nak letak komputer tersebut. Kita tak boleh lupuskan kerana dia barang kes. Pergi kat Sikamat Dato' Dipertua, stor yang baru, Balai Polis Sikamat tu penuh dengan rampasan judi saja, penuh. Di Port Dickson dah tak ada tempat Dato' Dipertua, ya. Di Nilai pun tak tahu. Besok kita kena pakailah sebab *team* bola kita tak baik, padang bola kita pakai sebagai pusat stor Dato' Dipertua ya, susah *bona*. *Team* pula pun kalah ya kan, biar dia main *kek* padang Rahang, itu standard dia, kita bagi dia main kat Rahang sajalah. Tak layak main dalam stadium pun, ya. Dato' Dipertua, itulah yang saya, yang pening sekarang. Tetapi kita tidak akan berhenti dan kita tidak akan *surrender* Dato' Dipertua. Kita tidak akan putus asa. Kita akan terus buat serbuan dan kita akan buat macam-macam cara ya, Dato' Dipertua, supaya kegiatan judi siber ini akan terus kita perangi dan akan kita terus banteras.

Dan alhamdulillah Dato' Dipertua, saya pun tak tahu apa sebab itu hari Dato' Dipertua, saya dah *poning bona kepala* agaknya, saya buatkan satu amaran, kerana ini kira *last resort*-lah, macam *headmaster* rotan budaklah ya, *headmaster*. Saya dulu kena rotan Dato' Dipertua. Terpaksalah kita gunakan, *in order to be kind, you have to be harsh sometime*, ya. Jadi itu sajalah saya buat. Saya buat, katakan saya bagikan kata dua kepada semua ya, supaya tanggungjawab jalan ya, buatlah kan. Boleh buat Dato' Dipertua, kan. Dan sekarang alhamdulillah bebas, tutup semua dah. Saya, saya dapat *feedback*, sebab rakyat, saya mata telinga saya banyak di bawah tu. Alhamdulillah masing-masing kata syukur, semuanya dah tutup. Ada dah turun pun, macam-macam lah, pusat-pusat minum teh, dulu dia kafe dah jadi pusat judi Dato' Dipertua. Kafe, dia bukak lesen kafe, dia siapkan kafe, ada orang tu masuk bayar deposit 200.00 ringgit, dia bagi

tablet satu, dia main *tablet*. Nak membuktikannya tu paling susah Dato' Dipertua, kita tak tahu. Sebab *what you have here is only a tablet*. Dia tak ada pun dalam *hardisk* dia tak ada apa, *there are* *jusat* dalam *application* saja. Dan semua ini *loading* daripada luar negara. Jadi kita nak bukti punya susah. Itu sebabnya kita jugak bawak, kita bawak bersama pihak penguatkuasa. Unit Penguatkuasa Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Dato' Dipertua, untuk kita pastikan supaya mereka jugak buat serbuan demi serbuan untuk menangkap orang-orang yang beragama Islam, yang didapati berjudi ya. Berada di tempat judi akan jugak kita dakwa ataupun kita tahan.

Jadi, Dato' Dipertua, alhamdulillah-lah ya. Dalam masa dua minggu ni Dato' Dipertua, atau dalam masa tiga minggu selepas kata dua dibagi, Dato' Dipertua, nampak reda betullah. Hujan yang lebat Dato' Dipertua, tiba-tiba berhenti. Dia macam dia ada suislah. Jadi memanglah kena suis yang saya petik tu suis yang betul ya, Dato' Yang Dipertua. Dan alhamdulillah, saya ucap banyak terima kasih kepada pasukan Polis Diraja Malaysia ya, kerana, dan jugak kepada semua PBT-PBT, kita buatlah, tak guna kita bangunkan negeri kalau masyarakat banyak masalah. Mereka bermasalah Dato' Dipertua. Dapat gaji pagi, petang dah habis. Mereka nak tambah gaji ya. Dapat gaji 800.00 ke, 1,000.00 ke, dah tolak tu, tolak rumah, dapat 600.00. Kononnya nak tambah gaji, tapi gaji yang ada, habis.

Datang pulak menyerbu pusat bantuan Baitulmal ya, mintak duit zakat. Bila tanya sikit *kang*, marah, "oh apa susah sangat nak dapat duit zakat?" Maki hamun pusat zakat, maki hamun pegawai kita. Macam-macam Dato' Dipertua ya. Ni orang-orang yang tak bertamadun ni susah Dato' Yang Dipertua. Cakap kadang-kadang bahasa yang digunakan bahasa yang amat tak boleh kita terima pakai. Seolah-olah duit ni duit hak dia. Padahal kita sebagai pengurus wang zakat, Baitulmal, kita ada asnaf yang lapan. Dan kita bagi kepada asnaf yang lapan dengan secermat yang seelok yang mungkin. Kerana saya berpesan supaya 1 sen pun duit zakat yang kita terima ini, uruslah dengan baik.

Tu sebabnya kita dapat Sijil 5 Bintang setiap tahun, kita punya Majlis Agama Islam, Dato' Yang Dipertua, kerana urusan bayaran zakat, urusan kita punya agihan zakat amat cemerlang sekali. Kita tak boleh pulak bukak pulak *gate*, oh orang pinjam Ah Long, dia, dia, dia kalah judi, dia pergi jumpa Ah Long. Dia pergi jumpa Ah Long, dia mintak Ah Long, lepas tu Ah Long kejar dia, dia pergi pusat zakat. Ini, ini perkara ni Dato' Dipertua, kalau kita tak tangani, kalau kita tak buat dia punya status jawatankuasa ni status, status sama taraf dengan status bencana alam, kita tak akan dapat tangani kerana dia punya, dia punya perniagaan perjudian ni amat lumayan sekali, Dato' Dipertua. Dia

macam dadah-lah. Dadah macam mana hukum gantung pun orang berani buat dadah. Walaupun tahu akan berdepan dengan hukum gantung, tapi kerana lumayan. Dan macam-macam lagi.

Saya ucap terima kasihlah kerana saya baca, semasa tu saya tak ada, saya baca sahabat daripada, Yang Berhormat daripada Chennah memberikan sokongan kerana ini merupakan masalah kita bersama ya. Kita, kita lupakan kita punya asas perbezaan politik. Ini untuk kita memperbaiki masalah yang ada dalam masyarakat. Dan kita sama-sama pastikan supaya masyarakat kita hidup dalam tenang, tak kiralah siapa. Di bandar, di kampung, bang, kaum apa, bahasa apa, agama apa. Sama-sama kita jaga masyarakat kita, masyarakat Malaysia yang merdeka, yang akan mencapai kita punya hari kemerdekaan tak lama lagi, selama 59 tahun Dato' Dipertua. Inilah hasrat kita, kita nak bangunkan negeri, rakyat mesti sejahtera. Kita tak mahu ada orang kata isu-isu masalah-masalah yang boleh mengganggu gugat keharmonian dan kesejahteraan masyarakat. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

Y.B. ADUN Chennah: Dato' Dipertua, soalan tambahan. Seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat tadi, Yang Amat Berhormat telah mengeluarkan satu kenyataan yang sangat keras pada 27 Julai yang lepas. Iaitu mengarahkan kalau ketua, kalau tangan, gagal menangani masalah premis judi ini, maka Ketua Polis Daerah, YDP PBT diarah keluar daripada Negeri Sembilan dalam tempoh 24 jam. Saya susuli dengan satu kenyataan menyokong ketegasan Yang Amat Berhormat pada 28 Julai. Tetapi selepas itu, saya lihat kenyataan daripada pihak Ketua Polis Negeri Sembilan mengatakan bahawa premis judi ini telah bebas, semua sudah ditutup pada 26 Julai lagi. Setakat 26 Julai, semua dah tutup.

Saya nak tanya, apakah ini disahkan oleh pihak Kerajaan Negeri, bahawa memang tak ada lagi kedai-kedai premis judi siber ini. Dan memang keadaan seperti ini, selepas amaran, selepas kenyataan yang ke, yang, yang keras daripada pihak MB, dulu pernah ada pengalaman macam ini. Ada, apabila ada tekanan daripada pihak umum, memang kedai-kedai ini ditutup sementara waktu. Dua tiga bulan dia tak ada. Memang saya *round* pun saya tengok memang dah tutup banyak. Kedai-kedai dikunci, digari dan sebagainya.

Tetapi apakah tindakan pihak Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa ia tidak berulang semula. Sebab kita bimbang selepas tiga, enam, tiga bulan, enam bulan tak, sudah tidak jadi isu, tak ada tekanan lagi, maka senyap-senyap mereka akan bukak kembali. Jadi itu apakah tindakan daripa, daripada pihak Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa ia tidak berulang di Negeri Sembilan lagi. Terima kasih.

Y.A.B. ADUN Rantau: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Kita memantau, jawatankuasa tindakan membanteras judi siber haram ini memantau, Dato' Dipertua, bersidang. Yang mana kita telah mintak supaya Ketua Polis Negeri sendiri menjadi jawatankuasa penguatkuasaan ya. Dia sendiri menjadi pengerusi. Dan YDP-YDP di setiap daerah menjadi sebagai pengerusi Jawatankuasa Perlesenan. Kita tak mahu lagi *junior officers become chairman of this sub-committee*. Saya nak Yang Dipertua menjadi pengerusi Jawatankuasa Perlesenan. Jangan keluarkan lesen sewenang-wenangnya, jangan, dan kalau nak bagi lesen pun selidik macam mana ya.

Nombor dua, saya tak kata halau, ini kadang-kadang surat khabar ni dia mainkan peranan pulak lagi ya. Jadi, *reporter* tulis *boto-boto*, jangan tambah-tambah saya punya cakap. Saya tak kata halau ya. Kadang-kadang dia nak mensensasikan cakap kan, dia nak jual surat khabar dia, jangan, juallah surat khabar, jangan jual saya pulak. Apa pasal nak jual saya pulak. Saya tak kata perkataan halau. Saya, *I'm from English grammer school* ya. Saya, bahasa saya, saya jarang apa, *I know what type of language that I should use and should not use*. Saya tak guna perkataan halau. Bukan kuasa saya nak menghalau pun. Saya katakan, kalau tak dapat buat apa-apa, saya bagi tiga bulan tempoh, saya akan mintak supaya mereka kalau tak sudi bekerja Negeri Sembilan, tukarlah tempat lain ya. Saya tak pernah kata halau. Tapi, *another word please*-lah ya, kerjalah betul-betul ya.

Alhamdulillah, Dato' Yang Dipertua, saya boleh *confirm* hari ini Dato' Dipertua, Daerah Kuala Pilah, Daerah Tampin, tahniah Kuala Pilah, Tampin, kosong ya. Kosong, sifar. Tetapi kita akan terus pantau. Daerah-daerah lain pun ada jugak satu dua lagi. Walaupun majoriti 90 peratus dah tak ada, ada jugak yang degil-degil lagi, yang perlu kita pantau. Dan kita jugak telah keluarkan arahan sampingan Dato' Yang Dipertua, kepada agensi-agensi seperti TNB dan jugak SAINS, mesti potong. Kalau tak potong, kita jugak, saya tak halaulah kan, kita akan perhatikan ya. Kerjasama ini penting.

Dan kita telah jugak katakan bahawa jika tuan punya kedai, tuan punya kedai mesti ambil tanggungjawab. Tuan punya premis mesti bertanggungjawab apa jenis perniagaan dan apa yang dilakukan dalam premis yang disewakan. Kalau dia tak mahu, sebab saya dah kata, bahawa Kerajaan Negeri kata, kalau didapatinya lepas arahan ini Dato' Yang Dipertua, masih lagi premis mereka digunakan sebagai premis perjudian siber haram, kita tak akan benarkan premis tersebut memulakan perniagaan selama tiga tahun. Tiga tahun. Dia nak jual cendol ke, nak jual sirih, nak jual YB Guna, dia punya pasal. Tak boleh

ada lesen ya. Haa ini, *it's a bit harsh* tapi inilah saya katakan, saya katakan tadi untuk kita, untuk menjaga kebaikan ramai, kita terpaksa kadang-kadang berkeras ya. Bukan kita nak orang kata menganiaya sesiapa, tetapi cukuplah Dato' Yang Dipertua, sebagai tuan punya kedai, dia mesti bertanggungjawab. Dia mesti tahu apa jenis perniagaan yang dilakukan dalam kedai mereka, yang diurus oleh penyewa mereka. Kerana kalau tak ada kerjasama daripada masyarakat Dato' Yang Dipertua, kita pun tak akan boleh berjaya. Seperti yang disebut oleh YB Chennah tadi, kita akan pantau, jawatankuasa akan terus meneliti dan akan terus memantau dan kita akan terus membuat serbuan-serbuan, pemantauan-pemantauan dan kita akan membuat tangkapan ya, Dato' Yang Dipertua, banyak kita tangkap. Dan kita akan tangkap.

Kita menunggu dengan ghairah, Dato' Yang Dipertua, kita menunggu dengan penuh harapan supaya adanya satu pindaan akta di peringkat Parlimen. Haa itu nanti kita mintaklah, sebab ADUN daripada Chennah, dia Ahli Parlimen kan, sama-sama sokong supaya sekarang ni, Akta Jenayah Judi ni Dato' Dipertua, bersepah-sepah. Polis sikit, PBT sikit, perumahan sikit, sana sikit, memang tak boleh. Jadi kumpulkan elok-elok dan penalti dia Dato' Dipertua, kena buat besar-besar ya. Kita kena *taruk* penalti yang besar, saman ataupun kompaun yang besar, ataupun tindakan mahkamah yang lebih, lebih drastik lagi supaya kita nak pastikan supaya masyarakat di negara kita Dato' Dipertua, bebas daripada masalah judi dan masalah yang tidak bermoral ini, inshaa Allah. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Saya persilakan ADUN Chennah.

Y.B. ADUN Chennah: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Soalan saya yang nombor 1.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, RKK Dato' Dipertua, Rancangan Khas Kawasan ya, Seremban ya, dia Rancangan Khas Kawasan. Dia bukan Rancangan Tempatan ya. Dia ada beza, Rancangan Tempatan satu, rancangan khas. Rancangan khas ini dia merupakan satu kawasan yang kecil yang lebih mikro Dato' Yang Dipertua, untuk kita buat sesuatu dengan lebih berfokus ya. Rancangan khas Seremban ini kita cadangkan supaya kita nak melihat kawasan jajaran sebelah sini, daripada pasar besar masuk ke sini, *Lake Garden* sampai ke A&W, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain. Kita nak supaya kita perindahkan Seremban di sini, menjadi sebahagian, sebab kita nak jadikan kawasan taman bunga kita ini sebagai sebahagian daripada kawasan pelancongan. Orang boleh singgah, duduk di tepi

Lake Garden. Kocik-kocik dulu kan, singgah di *Lake Garden*, makan, sekolah, pejabat, datang. Ada pulak kita punya Galeri Diraja Tuanku Jaafar. Dan macam-macam lagi dah ada. Kita nak jadinya kawasan tarikan pelancongan. Boleh jadi nanti Dato' Yang Dipertua, sebahagian daripada kawasan dekat dengan Majlis Agama Islam, Mahkamah Tinggi dulu, dan jugak pusat kraf dulu, kita nak jadikan sebagai Pusat Ketamadunan Islam. Sebab Masjid Negeri ada di situ, sambil-sambil orang nak datang situ, orang boleh pergi tengok kita punya Muzium Islam kita.

Ini sedang kita rancang ya. Lepas tu kita rancang jugak A&W di bawah PKNNS, tanah tu tanah PKNNS, kita nak bangunan semula. Kita memohon daripada Kerajaan Pusat, untuk kita mohon bantuan pembangunan semula Dato' Dipertua. Tapi belum ada lagilah jawapan. Kita dah ada rancangan. Apa nak kita buat di situ. Satu bangunan pusat perniagaan kafe jugak, Dato' Dipertua, tapi lebih cantik, lebih canggih dan lebih apa ni, dengan siap, dengan pelantarnya di atas tasik tersebut, Dato' Dipertua. Itu yang sedang reka, rancang.

Ini merupakan Rancangan Khas Kawasan Seremban. Bukan seluruh kawasan Seremban, tapi pekan Seremban pun sebahagian sahaja untuk kita nanti daripada jalan keretapi, stesen keretapi tu kita nak bangunan, sekarang pembangunan sedang berlaku kan. Dengan PR1MA-nya di situ, beribu-ribu orang nak duduk situ nanti. Keperluan-keperluan, dan macam-macam kita nak buat. Jadi Rancangan kawasan khas ni Dato' Dipertua, ialah untuk kita pastikan sebahagian, iaitu sebelah sini Seremban, nak kita jadikan kawasan pelancongan, kawasan yang cantik, kawasan yang, yang boleh dikunjungi oleh orang. Apa ada di sini, orang akan datang sini. Dan dia akan dikait-kaitkan sebab dah ada produk, ataupun produk perlu kita adakan untuk kita pastikan kita menambah nilai ya, perkara yang boleh mendatangkan tarikan kepada pelancong.

Sekarang ni kalau orang datang Seremban, orang nak pergi mana? Tak ada ya. Jadi, kita nak jadikan supaya datang pelancongan. Dah ada pulak Kementerian Pelancongan nanti di Bukit Jong tu nanti, ada dia punya *temple*, ada dia punya berhala, apa semua nak jadi kawasan pelancongan. Ini kita ambil kira Dato' Dipertua, supaya dalam kita buat pembangunan pemodenan Negeri Sembilan nanti, benda-benda macam ni dia perlu. Kita buat satu dasar tetapi kita jugak buat sub-sub dasar dan kawasan-kawasan tertentu yang memerlukan perhatian khusus untuk kita bagikan nafas baru kepada kawasan tersebut.

Untuk pertamanya kita buat di sini. *Lake Garden* ini Dato' Dipertua, perlu dijadikan, kita kena tambah nilai, kita jadikan ia sebagai tarikan semula. Kalau orang datang, dia duduk di *Lake Garden*, dia nanti dia

boleh naik ke pusat kraf tu nanti kita nak buat Muzium Temadunan Islam, le, macam-macam lagi Dato' Dipertua ya, yang kita buat. Dan pusat kafe ataupun, *up market* punya kafe di A&W tu nanti kan. Jadi, kita dah ada dah orang yang nak masuk, termasuk Starbucks pun dah, dah menyatakan dia punya keinginan nak menjadi salah satu penyewa di kawasan tersebut dia, bila kita bangunkan Dato' Dipertua. Jadi dia akan lebih menarik, lebih cantik dengan menara Majlis amaga, Agama Islam yang unik Dato' Yang Dipertua, akan menjadi mercu tanda kawasan Seremban ini nanti.

Dan Galeri Diraja Tuanku Jaafar pun telah pun mula beroperasi, dia boleh dijadikan sebahagian daripada kawasan tarikan pelancong untuk pelancong datang dan berehat sebentar di Seremban dan melapangkan masa. Bagi umat Islam mereka oleh menunaikan sembahyang di Masjid Negeri. Bagi yang beragama Hindu boleh pergi dekat *temple* depan, haa, YB Guna boleh jadi sami situ kalau bersara nanti, tak ada masalah ya, ada *temple*. Seremban ni unik Dato' Yang Dipertua, ada Gurdwara kan, ada *church*, lepas tu kat hujung sana ada kita punya berhala kan. Jalan itu Dato' Yang Dipertua, jalan 1Malaysia. Jalan 1Malaysia ya, semua ada, *church* ada, Gurdwara ada, *temple* ada, *Chinese* berhala ada, Masjid Negeri ada, jadi kita dah ada 1Malaysia kan. Jadi, kita buat, kita cuma menambah nilai apa yang patut dan apa yang perlu. Terima kasih.

Y.B. ADUN Chennah: Terima kasih. Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Salah satu komponen dalam RKK ini ialah untuk menyuraikan trafik, dan juga menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas dalam pusat bandar. Dan pihak kami difahamkan bahawa ada satu cadangan dari pihak konsultan trafik untuk tidak, tidak mengadakan lagi sekurang-kurangnya 10 lampu isyarat dalam pusat bandar. Dan menjadikan beberapa jalan utama sebagai jalan sehalu ataupun *one way*. Saya nak tanya, soalan saya ialah sama ada cadangan ini akan dilaksanakan. Kalau akan, bila akan dilaksanakan. Dan sebelum apa-apa pertukaran dari segi trafik dan juga lampu isyarat, apakah, apa ni, sesi pendengaran awam ataupun *public hearing* akan diadakan untuk mendapatkan maklum balas daripada pihak orang ramai. Terima kasih.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, itu cadangan daripada pihak konsultan. Saya pun masa dia bentangkan tu Dato' Yang Dipertua, pihak kerajaan melihatnya, kita cuba nak *visualize*, dengan izin, kita cuba untuk me, *visualize*-lah ya, macam mana tak ada 10 *traffic light*, nak cabut kat mana, apa akan jadi? Yang ada *traffic light* ini pun orang berhenti pun dah sesak, kalau tak berhenti besok lagi sesak, dia berputar begitu Dato' Dipertua.

Perangai orang Malaysia ni Dato' Dipertua, dia nak beli garam, dia berhenti depan kedai garam, kan. Dia tak mahu berhenti depan kedai, kedai lain. Dia nak beli garam, dia nak berhenti situ. Kalau tak boleh pun, tak dapat *parking*, dia berhenti lagi satu depan situ. Disaman *karang* dia maki orang, ya. Oh, sekarang ni, Malaysia dia, Malaysia Bolehlah, semua boleh. Dia maki penguatkuasa kita semacam je, ya. Jadi kalau tak ada 10 *traffic light* ini Dato' Dipertua, saya pun hairan macam mana, macam mana keadaannya, lagi laju, bila lagi laju, kalau tak ada sekatan-sekatan ni, dia punya putaran tu lagi laju, lagi sesak Dato' Dipertua, orang datang laju, orang kat dalam laju, sudahnya orang berniaga tak akan dapat berniaga. Tak ada orang boleh berhenti. Itu satu, kita akan buat *public hearing*-lah ya, jadi pendapat daripada umum dan juga kita akan buat jugak kajian *impact analysis* kita akan buat berkenaan dengan cadangan-cadangan itu.

Itu cadangan konsultan, konsultan yelah, lagi banyak dia tulis *kang* lagi banyak dia punya *fees*, itulah konsultan ya. Jadi, kita tak semestinya dengar cakap konsultan. Kita, kita mesti me, kita boleh merasai, kita boleh, kita boleh orang kata, sendiri boleh tahu Dato' Dipertua. Cuba bayangkan 10 *traffic light*. Cuba Dato' Yang Dipertua *kang lopeh* ni *kang* Dato' Dipertua *poi* tengok *traffic light* mana nak cabut ya, ya. Jadi, cadangan tetap tinggal cadanganlah. Jadi, pandangan-pandangan masyarakat, *impact analysis on traffic* punya, punya isu pun kita kena tengok jugak.

Jadi, menjawab ni, kita, itu cadangan konsultan. Belum lagi. Kita, itu sebabnya kita akan bentangkan 20 haribulan ni, ya, kita akan bentangkan untuk dibentangkan kepada masyarakat. Saya harap supaya masyarakat sama-sama bagi input. Tapi bukan, dia tak menyeluruh Seremban, dia sebahagian setengah daripada Seremban sahaja untuk kita pastikan kawasan di sini. Itu sebab kita panggil Rancangan Khas, Kawasan Khas Negeri Sembilan, haa Seremban. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

Y.B. ADUN Chennah: Dato' Yang Dipertua, soalan yang kedua.

Y.B. ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat ADUN Chennah. Kerajaan telah membina sebuah tapak pelupusan sanitari bersepadu di Ladang Tanah Merah, Port Dickson. Projek ini menggunakan teknologi *Solid Waste Modular Advance Recovery and Treatment System* yakni SMART, yang merupakan teknologi bersepadu di dalam menguruskan sisa pepejal. Ia menggabungkan beberapa kaedah konvensional, iaitu kemudahan pengasingan dan kitar semula, tapak pelupusan sanitari, rawatan biologi dan pembakaran tertutup. Penggunaan teknologi SMART ini

merupakan usaha pengintegrasian dalam pengurusan sisa pepejal terutamanya bagi tapak pelupusan sanitari ini boleh, yang perlu saya tegaskan di dalam Dewan yang mulia ini, ialah ianya boleh dan mampu menampung 1,000 tan sampah sehari dengan keluasan 70 hektar.

Dato' Yang Dipertua, saya mengambil peluang di dalam Dewan yang mulia ini, untuk menjelaskan tentang kapasiti tapak pelupusan yang kita ada. Setakat ini tapak pelupusan yang diurus, ataupun ditadbir oleh SWM ataupun di bawah SWCorp, kita ada Majlis Daerah Jelevu, kita ada satu yakni Tapak Pelupusan Sungai Muntuh yang luas tapaknya ialah 5 hektar, dan telah pun mula beroperasi pada, bermula pada 1998, kapasiti ialah 20 tan, 25 tan sehari. Di Jempol kita ada Tapak Pelupusan Jalan Kok Poh yang berkeluasan 4.6 hektar dan telah pun mula beroperasi sejak tahun 1987. Di Kuala Pilah kita ada Tapak Pelupusan Ulu Maasop yang berkeluasan 8 hektar dan berkapasiti 60 tan sehari yang telah mula beroperasi pada tahun 1982. Di Rembau, kita ada Tapak Pelupusan Chembong pada, bermula pada tahun 1995 dan berkeluasan 7 hektar dan berkapasiti 70 tan sehari. Dan yang terbaru sekali yakni Majlis Perbandaran Port Dickson, Tapak Pelupusan Bersepadu Ladang Tanah Merah, yang berkap, yang berkeluasan 70 hektar dan boleh menampung 1,000 tan sampah sehari, yang baru saja bermula operasi pada tahun 2015.

Walau bagaimanapun, pihak kerajaan ataupun kementerian bercadang untuk, sedang melakukan beberapa kajian untuk mengambil alih kesemua tapak pelupusan sampah di Negeri Sembilan bagi menjamin tentang sistem pengurusan sampah pada tahun-tahun yang akan datang. Kajian sedang dibuat untuk mengenal pasti beberapa tapak pelupusan sampah di kawasan Jempol, Jelevu, Tampin dan juga Kuala Pilah sebagai tapak pelupusan bagi menampung kapasiti sampah bagi kawasan-kawasan yang berkenaan. Terima kasih.

Y.B. ADUN Chennah: Dato' Dipertua, soalan tambahan. Salah satu usaha untuk mengurangkan sampah ialah pihak kerajaan ataupun KPKT telah mengadakan sistem pengasingan sampah di pihak sumber, di, di peringkat sumber ataupun *segregation of waste* ini *at the source*. Soalan saya ialah, kerana memang usaha ini saya secara peribadi amat menyokong usaha seperti ini, *segregation* sampah. Cuma apa yang dilakukan oleh pihak orang ramai ini, yang dimintak oleh pihak kerajaan ialah mengasingkan sampah, sampah yang basah diletakkan dalam tong, sampah yang boleh dika, dikitar semula itu di luar tong.

Apakah pihak SWM, sebab masalah ini akan menyebabkan masalah sampah-sampah ini berselerak di belakang-belakang lorong, lorong-lorong di belakang rumah. Apakah pihak SWM akan membekalkan

sekurang-kurangnya dua tong sampah kepada orang ramai? Kalau mengikut konsep kitar semula, perlunya ada tiga tong sampah yang berlainan warna. Tetapi kalau tidak tiga pun, sekurang-kurangnya membekalkan satu lagi, tambahan satu lagi kepada pihak orang ramai. Itu yang pertamanya.

Yang keduanya ialah berkenaan dengan polisterin. Penggunaan polisterin. Saya nak tanya pihak kerajaan, apakah pendirian pihak Kerajaan Negeri Sembilan terhadap penggunaan polisterin ini. Sebab ada beberapa negeri akan, telah dan akan *banned* penggunaan polisterin in di negeri-negeri mereka. Dan saya harap pengurangan penggunaan polisterin ini dapat dimulakan oleh pihak Kerajaan Negeri sendiri terutamanya di majlis-majlis keraian yang besar-besar. Terima kasih.

Y.B. ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, soalan sistem pengasingan sisa di punca ini, saya ada soalan yang ke-6. Tetapi walau bagaimanapun, saya mengambil ketetapan, kesempatan ini untuk menjelaskan tentang program pengasingan sampah sisa di punca ini.

Program pengasingan sampah di sisa, di punca ini Dato' Yang Dipertua, kita dah mula pada tahun Julai, bulan Jun pada tahun 2015. Dan dalam tempoh setahun itu, adalah merupakan tempoh untuk kita *educate* masyarakat tentang pemahaman mereka bagi mengasingkan sampah, yakni sampah seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Chennah tadi sampah bagi kitar semula, plastik, kayu dan juga kaca termasuk sistem ataupun sampah sisa toksik yang dimasukkan di dalam tong. Kalau dia tak asing, kita kompaun. Bermula pada bulan Jun 2016, setahun kita *educate* masyarakat untuk mengasingkan sampah.

Tujuan kita buat pengasingan sisa di punca ialah untuk menyelamatkan tapak pelupusan kita. *Because our problem*, dengan izin, masalah negara pada masa akan datang ialah untuk mengurus sampah yang bertambah dari masa ke semasa oleh ahli masyarakat. Ada masyarakat yang ada disiplin yang *less* ataupun kurang pembuangan sampah di rumah-rumah mereka. Tetapi ada di kalangan ahli masyarakat yang banyak mengeluarkan sampah sarap yang mana ini akan memendekkan tempoh hayat ataupun umur pusat pelupusan sampah. Kerana itu kita buat ataupun kerajaan mengenakan syarat untuk pengasingan sisa di punca.

Soalan Yang Berhormat Chennah tentang tong yang tiga ini. Kerajaan, setakat ini Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Sembilan tidak mempunyai sebarang keputusan dan tidak bercadang untuk menambah tong ini. Kita faham, saya dan, kerajaan telah menerima

banyak laporan tentang cadangan daripada orang ramai untuk kita tambah tong. Tetapi untuk makluman yang be, ahli Dewan yang mulia ini, kita tambah tong, ini akan membuatkan keadaan trafik ataupun keadaan rumah di kediaman-kediaman taman-taman perumahan akan buat jadi lebih *congested*, maknanya dengan izin, lebih jadi lebih tidak teratur. Kalau tiga tong kita letak di setiap hadapan rumah, yang sekarang ni satu tong pun, keadaannya kemungkinan tidak begitu teratur.

Masalah ini kita boleh selesai. Kerana tong yang kita bekalkan sebanyak, sebesar 120 kilo untuk sampah baki ni, digunakan oleh orang ramai. Tapi yang kitar semula ni, dia bukan hari-hari datang. Pihak SWCorp sudah bagi jadual kepada semua taman perumahan. Sudah bagi jadual pada jalan setiap masuk taman. Sudah bagi jadual kepada setiap balai raya. Dah keluar tv. *Flyers* kita dah bagi. Dan dalam tong, depan tong, depan rumah tu, dekat tong tu kita letak jadual kutipan yang dilakukan oleh pihak SWM. Sampah yang kita kitar semula ni, katalah di taman perumahan A, jadual kutipan pada hari Isnin dan hari Khamis. Tuan rumah, kita galakkan supaya keluarkan sampah berkenaan pada hari berkenaan. Dan kita kutip. Jadi tak ada masalah lambakan sampah di hadapan rumah. Apa yang berlaku pada hari ini ialah, orang ramai ataupun segelintir masyarakat kita keluarkan sampah pada hari Selasa yang jadual kutipannya sudah berjalan pada hari Isnin. Jadi, sampah berkenaan akan ada di jalan raya pada selama tujuh hari. Ini yang jadi masalah kita.

Tetapi bagi kawasan-kawasan flat, ataupun strata, bangunan strata, kita ada tiga sangkar, sangkar besar. Sangkar itu untuk kertas, untuk kayu, untuk barangan plastik. Kita ada tiga. Kerana strata dia ada *centralize*, apa yang kita panggil sangkar untuk pusat kitar semula dan kita ada tong untuk sisa baki. Kerana keseluruhan masyarakat yang mendiami rumah-rumah *high-rise* ataupun rumah-rumah flat ini akan buang sampah di kawasan yang berkenaan. Kalau dia tak buang atau tidak urus, jawatankuasa bangunan itu akan dikompaun ataupun akan dipenalti.

Saya mintak kerjasama ahli-ahli Yang Berhormat supaya dapat kita lebih kempen lagi bagi masyarakat dan orang ramai untuk mendisiplinkan diri mereka bagi mereka mengamalkan sistem pengurusan sampah peribadi yang lebih baik untuk masa depan kita bersama. Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat ADUN Rantau tadi, ini juga adalah merupakan tanggungjawab kita bersama tanpa memikirkan fahaman politik masing-masing. Kerana *this is* atau ini adalah untuk kebajikan dan kesejahteraan semua kaum dan masyarakat yang berada di dalam negara kita.

Yang kedua, Dato' Yang Dipertua, tentang penggunaan polisterin di Negeri Sembilan. Saya akui bahawa cadangan Yang Berhormat Chennah ini adalah merupakan cadangan yang baik dan telah pun diamalkan di beberapa tempat tentang penguatkuasaan ataupun *enforcement* dari segi penggunaan polisterin. Tetapi bagi pihak Kerajaan Negeri setakat ini kita belum lagi *banned* sebarang penggunaan polisterin. Dan insaaa Allah saya mengambil kira, dan kerajaan mengambil kira pandangan ini untuk kita *implement* atau kita guna pakai pada waktu yang akan datang. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

Y.B. ADUN Chennah: Dato' Dipertua, saya kemukakan soalan yang ketiga. Terima kasih.

Y.B. ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, masalah *oversupply* Dato' Yang Dipertua, pusat-pusat komersial di Seremban. Saya tidak, kerajaan tidak menafikan bahawa terdapatnya beberapa pusat-pusat komersial yang tidak diambil ataupun tidak di, *not taken*, tidak dibeli oleh masyarakat di beberapa kawasan. Suka saya jelaskan Dato' Yang Dipertua, bahawa pembangunan pusat-pusat komersial di Negeri Sembilan adalah berdasarkan pada awalnya di dalam program Rancangan Tempatan Daerah atau RTD yang mana turut mengambil kira pelan pembangunan jangka panjang. Selain itu kelulusan pembangunan pusat-pusat komersial ini juga turut mengambil kira kedudukan ekonomi semasa berdasarkan kadar permintaan daripada pembeli. Maknanya *demand and supply*.

Kemungkinan ketika pembangunan dibuat, maka keadaan ekonomi ketika itu adalah berdasarkan kepada *demand* daripada ahli masyarakat atau orang ramai yang membuatkan *commercial centre* atau premis-premis perniagaan ini perlu dibina oleh para pemaju dan juga bagi mengelakkan kita kekurangan *supply* kepada *demand* yang ada pada ketika itu. Walau bagaimanapun, kerajaan mengambil beberapa langkah bagi memastikan tidak timbul masalah *oversupply* lot-lot kedai komersial khususnya di Seremban.

Pertama, kita mengambil kira bahawa permohonan bagi setiap pelan pembangunan pusat komersial ini adalah selari dan selaras dengan RTD ataupun Rancangan Tempatan Daerah yang telah dibentangkan. Yang kedua, permohonan bagi pembangunan lot-lot komersial ini juga adalah dikawal dan dibuat penelitian melalui Mesyuarat Jawatankuasa One Stop Center iaitu di peringkat permohonan Kebenaran Merancang. Ketiga, permohonan bagi setiap pelan pembangunan pusat komersial akan dipertimbangkan berdasarkan *trend* semasa ekonomi. Itu yang

saya sebut tadi, berdasarkan kepada kedudukan ekonomi negara pada ketika itu, berkemungkinan pusat komersial harus kita buat pembinaan dan sebagainya. Tetapi ketika tahun-tahun yang berikut, ada kemungkinan keadaan ekonomi dan juga keadaan masyarakat pada ketika itu terkesan, maka pusat-pusat komersial ini akan menjadi pusat yang, yang kita katakan sebagai tidak diambil ataupun tidak dibeli. Ini bukan *oversupply*. Tetapi kita akan lihat keadaan itu seperti *oversupply* tetapi ini keadaan yang berlaku berdasarkan keadaan ekonomi negara dan sebagainya.

Bagi lot-lot komersial ataupun kiosk perniagaan yang bersesuaian, kerajaan mengutamakan peluang-peluang perniagaan bagi perusahaan kecil untuk memberi peluang kepada usaha, usahawan-usahawan bagi menjalankan perniagaan mereka untuk menampung keperluan ataupun premis-premis pusat komersial yang tidak mampu dimiliki oleh mereka berdasarkan keadaan dan juga suasana ekonomi.

Kesimpulannya Dato' Yang Dipertua, dengan langkah-langkah kawalan dan penyediaan sistem sokongan yang baik ini, maka kerajaan yakin dan percaya tidak timbul isu masalah *oversupply* bagi lot-lot komersial khususnya di Seremban. Dan kita juga mengambil kira bahawa lokasi bandar Seremban yang turut menerima kesan hasil daripada limpahan pembangunan pesat yang berlaku di kawasan Lembah Kelang, kerajaan melalui PBT akan sentiasa memastikan bahawa lot-lot komersial ini akan dibeli dan diambil oleh *potential buyer* untuk pastikan, maka kita tidak akan ada lot-lot komersial yang tidak di-*pick-up* ataupun tidak diambil oleh pembeli. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

Y.B. ADUN Chennah: Dato' Dipertua, soalan tambahan. Dato' Dipertua, saya menerima satu makluman daripada penduduk-penduduk di Taman Templer yang memaklumkan kepada saya bahawa ada satu cadangan menggunakan satu tanah komersial untuk membina satu kolumbarium ataupun satu bangunan penyimpanan abu mayat. Satu cadangan telah dikemukakan kepada pihak Majlis Perbandaran Seremban.

Soalan saya ialah apakah pendirian pihak Kerajaan Negeri terhadap permohonan ini kerana permohonan ini mengundang bantahan yang sangat keras daripada penduduk-penduduk di Taman Templer itu. Sebab saya sudah pun pergi meninjau tapak itu, memang tapak itu hanya di belakang rumah saja, satu apa ni, rumah-rumah teres di da, di Taman Templer. Dan sudah tentunya kalau kelulusan diberikan, ia akan mengundang konflik ataupun satu bantahan yang cukup besar daripada penduduk-penduduk di sana. Jadi, saya nak tanya apakah status permohonan tersebut dan adakah, apakah garis panduan

daripada pihak Kerajaan Negeri terhadap pembinaan kolumbarium ini. Terima kasih.

Y.B. ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, setiap pembinaan yang dimohon ataupun dihantar untuk kelulusan Kebenaran Merancang daripada Pihak Berkuasa Tempatan dan sebagainya, akan dikaji tentang kesesuaian bagi sesuatu lokaliti dan juga kawasan kependudukan masyarakat terutamanya bagi kawasan-kawasan yang padat penduduknya dan mempunyai fahaman agama yang berlainan. Maka permohonan untuk penyimpanan abu mayat ini umpamanya, dan kita akan dapatkan jugak laporan dan pandangan daripada masyarakat sekitar tentang program pembangunan walau apa pun yang akan dibina di beberapa kawasan. Maka dengan itu pandangan dan cadangan daripada Yang Berhormat Chennah kita akan tengok balik akan lihat. Dan setakat ini kita masih lagi di dalam proses kajian untuk permohonan yang berkenaan. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Saya persilakan Yang Berhormat ADUN Gemencheh.

Y.B. ADUN Gemencheh: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama.

Y.B. ADUN Chembong: Dato' Yang Dipertua, bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Gemencheh, untuk makluman Dewan, sejak daripada tahun 2013 hingga sekarang, sebanyak 875 persatuan belia telah ditubuhkan ataupun telah didaftarkan di seluruh Negeri Sembilan, yang telah didaftarkan kepada Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Belia (ROY), Dato' Yang Dipertua. Namun, dalam tempoh yang sama juga, daripada 2013 hingga kini, sebanyak 233 persatuan belia telah dibatalkan oleh Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Belia tersebut.

Pelbagai langkah serta usaha terus ambil untuk memastikan persatuan-persatuan belia ini untuk terus aktif selain daripada memberikan sokongan dalam bentuk kewangan untuk mereka menjalankan aktiviti-aktiviti dan jugak program-program yang mereka rancang. Jabatan-jabatan, agensi-agensi yang terbabit, yang terlibat yang bertanggungjawab tentang hal ehwal belia terutamanya Jabatan Belia sentiasa jugak memberikan ataupun menjalankan kerjasama, menjalankan program-program dengan usahasama dengan persatuan-persatuan belia ini walaupun kadang-kadang program ini adalah di

bawah tanggungjawab jabatan itu sendiri tetapi kerjasama sentiasa dilakukan untuk terus memberikan peluang, ruang kepada persatuan belia ini menggerakkan persatuan mereka.

Untuk makluman Dato' Yang Dipertua juga, di peringkat daerah, setiap daerah-daerah, kita juga ada apa yang dipanggil Majlis Belia Daerah dan peringkat negeri kita ada Majlis Belia Negeri. Jadi, Majlis-Majlis Belia Daerah, Majlis Belia Negeri ini jugak mempunyai peranan bertanggungjawab untuk terus mengurus, menyelia dan jugak memastikan persatuan-persatuan belia di peringkat akar umbi ini terus berjalan dengan aktif dan jugak baik Dato' Yang Dipertua.

Dari segi bantuan dan jugak peruntukan, kita memberikan sepanjang, ataupun setiap tahun sebanyak 80 ribu ringgit kepada Majlis Belia Negeri dan jugak 40 ribu ringgit kepada Majlis Belia Daerah, selain daripada peruntukan-peruntukan yang mereka minta setiap masa mengikut keperluan dan jugak kesesuaian untuk mereka menjalankan program-program mereka. Dato' Yang Dipertua, terima kasih.

Y.B. ADUN Gemencheh: Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan saya. Kalau nak ikutkan lot 875 persatuan didaftarkan, 233 dibatalkan. Hampir 30 peratus persatuan dibatalkan. Apakah faktor-faktor utama pembatalan pendaftaran persatuan belia ini? Terima kasih.

Y.B. ADUN Chembong: Dato' Yang Dipertua, kalau kita lihat sebenarnya ada beberapa sebab dan alasan mengapa mereka ini ataupun persatuan belia ini dibatalkan. Namun, kalau kita lihat punca ataupun sebab utama mereka, persatuan belia ini dibatalkan sebenarnya bukanlah disebabkan ketidakaktifan mereka Dato' Dipertua, sebab utamanya adalah disebabkan oleh masalah pentadbiran ataupun masalah dokumentasi. Banyak di antara persatuan-persatuan belia ini mereka aktif sebenarnya, tetapi kadang kala mereka gagal untuk menyiapkan laporan tahunan mereka, nak dihantar kepada ROY ataupun per, apa ni, pendaftar persatuan belia ni Dato' Yang Dipertua. Contohnya, sering kali mereka ni gagal untuk melaporkan ataupun menghantar minit mesyuarat agung tahunan mereka. Mereka jugak kadang-kadang gagal untuk melaporkan, menyatakan, memberi laporan tentang laporan kewangan dan jugak maklumat-maklumat tentang jawatankuasa dan jugak senarai ahli-ahli mereka.

Namun apa yang kita buat, Dato' Dipertua, apa yang kita sering boleh buat langkah untuk membantu, selain kita membuat banyak bengkel-bengkel ataupun kursus-kursus untuk terus membantu memperkasakan persatuan dan jugak ahli-ahli belia ini, kita sering buat

kursus-kursus keusahawanan, bagaimana nak menubuhkan koperasi, bagaimana nak menjalankan perniagaan *online* dan sebagainya. Tapi untuk mengelakkan persatuan ini daripada banyak dibatalkan, kita jugak terus akan membuat apa yang kita panggil kursus-kursus kepimpinan organisasi untuk mereka terus tahu dan jugak mengambil tanggungjawab untuk menguruskan persatuan belia mereka. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

Y.B. ADUN Gemencheh: Terima kasih Yang Berhormat Chembong. Soalan, soalan saya yang kedua.

Y.B. ADUN Jeram Padang: Dato' Yang Dipertua, menjawab soalan Yang Berhormat ADUN Gemencheh, tentang statistik yang terkini tentang pekerja di ladang di Negeri Sembilan. Di Negeri Sembilan yang, ada seramai 13,519 pekerja di 100 buah ladang yang terdapat di Negeri Sembilan. Antaranya pekerja tempatan adalah 5,437 dan pekerja asing pula adalah 8,082 orang.

Dan oleh kerana sektor perladangan ini adalah satu sektor yang membawa pendapatan kepada negara dan negeri, dan menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan, dan atas memper, apa ni, dasar-dasar baru yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional, sektor-sektor lain seperti perkilangan dan perkhidmatan juga telah menjadi satu daya tarikan kepada pekerja-pekerja ladang. Jadi oleh demikian, pekerja tempa, tempatan ini kurang berminat. Maka kerajaan terpaksa memberi kelonggaran untuk pengambilan pekerja asing. Daripada 8,082 orang pekerja, majoritinya adalah daripada Indonesia iaitu terdiri daripada 6,173 orang, diikuti pula dengan India 682 orang, Bangladesh 622 orang, Pakistan 241 orang, Nepal 164 orang dan dari negara-negara lain seperti Thai, Myanmar, Sri Lanka, Vietnam adalah 200 orang.

Bagi menjawab bahagian yang kedua, dalam soalan tersebut, apakah tindakannya. Tindakan yang diambil oleh pe, kerajaan adalah menasihatkan pihak peladang untuk memaklumkan jika ada kekosongan kepada JTK, maka *JobsMalaysia*, melalui *JobsMalaysia* kita boleh memperkenalkan ataupun menghantar pekerja untuk temuduga secara terus oleh pihak syarikat. Walau bagaimanapun, syari, syarat juga ditetapkan oleh pihak kerajaan dengan berdasarkan kepada dua faktor iaitu berdasarkan kepada keluasan ladang dan bilangan pekerja yang sedia ada sebelum sesuatu kelulusan diberikan.

1.30.11

Dato' Yang Dipertua, kriteria yang telah, sedang diguna pakai adalah, bagi setiap pekerja asing, mengikut jenis tanaman dan keluasan serta

bilangan pekerja yang diperlukan untuk sektor perladangan itu diambil kira. Yang pertama, untuk ladang kelapa sawit, bagi setiap 8 hektar, seorang pekerja diluluskan. Bagi ladang getah pula, bagi setiap 4 hektar. Bagi koko pula, bagi setiap 3.6 hektar seorang pekerja dipertimbangkan. Ini termasuk pekerja tempatan dan pekerja luar negara. Kalau pekerja tempatan tu dah mencukupi, maka pekerja asing itu tidak diberi kelulusan. Perkara yang sama juga dilihat bagi tapak semaian. Bagi tapak semaian ada dalam kawasan ladang itu, 8 hektar dipertimbangkan untuk seorang pekerja. Dan bagi yang, tapak semaian dan di luar ladang juga 8 hektar tu diberikan kepentingan. Seperkara lagi, keluasan minima yang dicadangkan oleh pihak kerajaan untuk pekerja asing adalah, bagi kelapa sawit, mereka mesti tidak kurang daripada 5 hektar. Bagi getah pula, tidak kurang daripada 3 hektar. Dan koko pula tidak kurang daripada 3 hektar. Barulah mereka layak untuk membuat permohonan.

Tuan Yang Dipertua, Dato' Yang Dipertua, walau bagaimanapun, daripada 19 haribulan 2, 2016, kerajaan telah mengumumkan pembekuan pengambil pekerja asing bagi membuat satu tinjauan yang menyeluruh untuk mengetahui keperluan sebenar di setiap sektor. Ini termasuk sektor perladangan. Itu saja Dato' Yang Dipertua, terima kasih.

Y.B. ADUN Gemencheh: Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan saya. Saya merasai sendiri kehidupan di estet-estet, hampir lapan tahun saya berada di estet Bukit Pilah ya. Banyak keluhan daripada penduduk ataupun pekerja-pekerja ladang ini bahawa yang mengatakan infrastuktur asas yang tidak sempurna. So, apakah langkah-langkah kerajaan untuk membantu melengkapkan infrastruktur-infrastruktur seperti bekalan air, bekalan elektrik dan jalan, rangkaian jalan yang baik di pete, penempatan kediaman estet-estet ini?

Y.B. ADUN Jeram Padang: Dato' Yang Dipertua, sektor perladangan ini sejak kebelakangan ini telah menampakkan kemajuan. Bukan sektor perladangan yang kita nampak sebelum kemerdekaan. Memang walaupun perladangan itu adalah hak milik pihak swasta tetapi kerajaan melalui akta telah memperkenalkan ataupun telah mewajibkan beberapa perkara yang perlu disempurnakan di kawasan ladang sebagai menjaga kebajikan pekerja. Antaranya adalah, yang pertama tentang yang paling utama di kawasan perladangan itu, rumah-rumah itu telah diambil kira. Melalui akta 1990, sebanyak 3,554 rumah telah dibina untuk pekerja, rumah yang begitu selesa disediakan untuk para pekerja. Dan rumah-rumah yang dibina sebelum itu iaitu sebanyak 1,736 rumah itu, sedang dinaik taraf untuk memenuhi syarat yang telah ditetapkan melalui akta tersebut.

Pada masa yang sama, Kerajaan Barisan Nasional dengan kerjasama dengan pihak-pihak ladang, kita juga telah membina jalan berturap di beberapa ladang dan kini kita nampak beberapa ladang itu sudah pun menerima jalan-jalan yang berturap yang begitu selesa. Dan Sime Darby juga telah memainkan peranan yang penting dalam menyediakan jalan-jalan berturap di ladang masing-masing. KKLW juga telah menyempurnakan tugasnya iaitu dengan menyediakan jalan berturap di dua buah ladang iaitu di Ladang Saint Helier dan satu lagi adalah di Ladang Jeram Padang.

Pada masa yang sama, kemudahan-kemudahan yang diperlukan oleh pekerja ladang seperti kemudahan sukan, dewan juga disediakan oleh pihak syarikat tersebut. Sekolah juga, yang terdapat di setiap ladang itu kini telah diubah suai, telah dinaik taraf dengan bantuan Kerajaan Pusat sebanyak, dalam tahun 2015 sahaja, lebih kurang 2 juta ringgit telah diagihkan kepada sekolah-sekolah untuk menaik taraf infra sekolah tersebut. Pada masa yang sama, pusat asuhan kanak-kanak kini di Negeri Sembilan sahaja daripada 100 ladang, ada 33 pusat asuhan dan 48 klinik kesihatan juga beroperasi di ladang tersebut.

Tentang bekalan elektrik pula, 100 peratus kesemua ladang yang tedapat di Negeri Sembilan telah pun diberikan bekalan elektrik. Pada masa yang sama 81 ladang telah dibekalkan air bersih melalui syarikat SAINS kita ini. Dan hanya 19 saja ladang sekarang ini belum menerima air bersih daripada SAINS. Dan ke 19 pun sedang membekalkan daripada sumber sendiri. Walau bagaimanapun, pihak JTK memang memer, sentiasa membuat lawatan untuk memastikan kualiti air itu sentiasa dijaga.

Dan walau bagaimanapun, walaupun ada segala kemudahan yang saya telah ceritakan tadi, tetapi oleh kerana negara kita sudah begitu pesat membangun dengan penyediaan kemudahan-kemudahan seperti di kawasan bandar, maka generasi muda ini masih lagi kurang berminat. Tetapi atas dasar keperluan ladang, kerajaan masih lagi sentiasa akan meneruskan infra-infra yang perlu disediakan di kawasan ladang dengan kerjasama pemilik ladang. Sekian.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa bagi pertanyaan-pertanyaan lisan telah pun tamat. Kita terus ke agenda seterusnya.

6.2 Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Bertulis

Setiausaha Dewan: Seterusnya, Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Bertulis. Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Rantau.

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun membentangkan jawapan-jawapan bertulis bagi pertanyaan-pertanyaan yang telah diberitahu terlebih dahulu seperti ada di hadapan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Dato' Yang Dipertua, terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jawapan-jawapan bagi Pertanyaan Bertulis adalah dibentangkan.

7. PENANGGUHAN MESYUARAT

Setiausaha Dewan: Perkara ketujuh, Penangguhan Mesyuarat.

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun mencadangkan supaya Persidangan Dewan ditangguhkan dengan ucapan berbilang-bilang terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana telah mengendalikan persidangan dengan jayanya. Dan jugak kepada semua ahli Dewan yang telah pun mengambil bahagian dalam pertanyaan lisan. Memandangkan tak ada lagi, kita tak ada kertas Dato' Yang Dipertua, tak ada kertas persidangan, tak ada usul, tak ada apa, maka saya bangun mencadangkan supaya sidang ditangguhkan, Dato' Dipertua, terima kasih.

Y.B. ADUN Labu: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan tersebut.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan menangguhkan Persidangan Dewan telah pun dibuat dan mendapat sokongan. Untuk ahli-ahli Yang Berhormat saya mengucapkan terima kasih kerana kehadiran ya, sebenarnya hari ini walaupun kita bersidang inshaa Allah setengah hari, tapi ketidakhadiran ahli Yang Berhormat boleh menyebabkan ahli Yang Berhormat kehilangan kelayakan sebagai ahli Dewan. Sebab itu mesti hadir persidangan selama enam bulan. Saya mengucapkan berbilang terima kasih

kepada semua ahli-ahli Yang Berhormat yang hadir, dan kita punya jadual 100 peratus hadir pada hari ini.

Sementara tu, ahli Yang Berhormat, saya menerima 10 permohonan sebenarnya daripada ahli-ahli Yang Berhormat untuk membuatkan Ucapan Penangguhan bagi persidangan kali ini. Walau bagaimanapun, permohonan daripada ADUN Chennah, ADUN Bukit Kepayang, ADUN Chuah, ADUN Lukut dan ADUN Nilai tidak dapat dipertimbangkan mengikut Peraturan 29(1)(a) – Peraturan-Peraturan Perintah-Perintah Tetap Bagi Dewan Perhimpunan Undangan Negeri Sembilan iaitu mereka telah pun diberi peluang sebelum ini. Jadi, hanya lima yang akan saya persilakan. Saya mulakan dengan Yang Berhormat ADUN Temiang.

Y.B. ADUN Chennah: Penjelasan Dato' Dipertua. Boleh tak saya mintak penjelasan. Kepada mana-mana ahli Yang Berhormat yang telah masukkan permohonan untuk menyampaikan Ucapan Penangguhan, dan apabila sampai peluang kepada mereka, mereka tarik balik. Adakah itu dikirakan sebagai mereka telah mengambil kuota itu. Kerana saya dapati bahawa ramai ahli-ahli daripada pihak kerajaan menggunakan strategi ini. Dia masuk dulu, tetapi lepas tu dia tarik balik. Jadi saya mintak supaya kalau yang mereka tarik balik tu dika, dimintak dikira sebagai kuota mereka telah menyampaikan Ucapan Penangguhan dan mereka kena tunggu giliran seterusnya. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya telah nyatakan pada persidangan kita yang lepas, kalau ada ahli Yang Berhormat, dia telah pun menyatakan hasrat untuk ber, nak memberi Ucapan Penangguhan, tetapi apabila masa kadang-kadang menyebabkan kita dah terlampau jauh ataupun hampir pukul 6:00, kadang-kadang pukul 7:00, dan apabila mereka tarik diri itu saya anggap satu penghormatanlah kepada saya sebenarnya ya. Sebab itu saya nyatakan bahawa mereka saya benarkan balik untuk menghantar kalau berminat untuk mengadakan ataupun memberi Ucapan Penangguhan. Haa cadangan tu saya

Y.B. ADUN Chennah: Tetapi tak adil kepada yang lain Dato' Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat cadangan itu

Y.B. ADUN Chennah: Itu tak adil kepada yang lain

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Cadangan.....

Y.B. ADUN Chennah: sebab ini, ini kita tahu ini strategi, nak *parking* saja.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat tak tahu itu strategi saya Yang Berhormat ya.

Y.B. ADUN Chennah: Jadi saya rasa ini tak adil kepada ahli Yang Berhormat yang lain yang nak menyampaikan Ucapan Penangguhan. Ini menafikan peluang kepada kami. Saya harap ini dapat dipertimbangkan.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Terima kasih, saya setuju, tapi kita tetap pegang pada peraturan kita, iaitu mereka yang telah memberikan ucapan ya, ataupun Ucapan Penangguhan, kita ketepikan dulu. Lepas tu kita ada lima orang, jadi saya rasa kita akan teruskan. Haa saya persilakan ADUN Temiang dulu.

Y.B. ADUN Temiang: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Dato' Yang Dipertua Dewan kerana memberi peluang kepada saya dalam Ucapan Penangguhan pada persidangan kali ini.

Dato' Yang Dipertua Dewan, rakyat di Negeri Sembilan dan Malaysia mengalami pelbagai masalah terutamanya dalam suasana ekonomi yang tidak menentu ini. Dato' Yang Dipertua Dewan, rakyat di negara, di negeri ini masih terancam daripada pelaksanaan sistem GST yang membebankan kehidupan mereka terutamanya golongan berpendapatan rendah dan warga tua. Walaupun saya, saya telah banyak kali membangkitkan isu ini dalam Persidangan Dewan yang mulia ini tentang apakah cara Kerajaan Negeri bagi membantu golongan ini, tetapi apa yang mengecewakan saya adalah sehingga hari ini tiada apa-apa bantuan daripada negeri, Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan yang khusus bagi membantu golongan ini.

Selain itu, Dato' Yang Dipertua Dewan, suruhan raya pilihan Negeri Sembilan, Suruhanjaya Pilihan Raya telah membetulkan semula loka,

lokasi lokaliti di semua DUN di Negeri Sembilan. Memang ini adalah satu tugas bagi memastikan pilihan raya yang akan datang dapat dijalankan dengan baik sekali. Tetapi saya berasa cara pembetulan semula lokas, lokasi lokaliti di semua DUN Negeri Sembilan adalah tidak adil dan tidak betul. Saya nak tanya, kenapa perkara ini tidak dibawa dalam Persidangan Dewan ataupun tidak di, dipertimbang, dibentangkan dalam Persidangan Dewan? Kerana kita mengadakan persidang, pilihan raya pada 2013, 5 haribulan 5, tapi, tetapi kerja-kerja pembetulan semula lokasi lokaliti telah pun diperbuat dan diwartakan pada 26 November 2014.

Kita sebagai Wakil Rakyat telah, tidak diberitahu tentang perkembangan ini dan tidak diberi, ataupun diminta apa-apa pandangan berkenaan dengan isu ini. Sepatutnya perkara ini adalah sangat penting dan perlu diumumkan kepada pengetahuan orang ramai untuk meminta pendapat dan pandangan-pandangan orang ramai terutamanya Wakil Rakyat di Negeri Sembilan kerana kita tahu, geografi DUN masing-masing. Pihak SPR tidak seharusnya melakukan perkara ini secara senyap-senyap sahaja.

Pembetulan, pembetulan lokas, lokasi lokaliti ini juga adalah berunsur politik di mana untuk membantu komponen-komponen Parti Kerajaan Barisan Nasional memenangi kerusi-kerusi pada pilihan raya yang akan datang. Seperti contohnya, di kawasan DUN Temiang, tiga tempat telah dikeluarkan di DUN Temiang masuk ke DUN Lobak iaitu Taman Bukit Sentosa, Taman Bukit Berlian dan, Taman Bukit Delima dan kawasan perumahan di sepanjang Jalan Tun Dr. Ismail di mana pembetulan ini adalah langsung tidak logik dan tidak masuk akal. Sekiranya pihak SPR ingin membeta, membetulkan keadaan yang sebenar, kawasan-kawasan yang telah di, terletak di kawasan Temiang patutlah dimasukkan semula ke DUN Temiang iaitu Taman Nee Yan, Kampung Ulu Temiang, kampung desa, Taman Desa Temiang dan Taman Bukit Mutiara. Keempat-empat kawasan ini patut diletak semula di kawasan DUN Temiang kerana dari segi geografinya keempat-empat kawasan ini adalah di kawasan DUN Temiang, tetapi sebaliknya telah dimasukkan ke DUN Lobak. Maka ini adalah tidak adil dan tidak betul.

Saya nak tanya, mengikut, mengikut akta yang mana satu ni pihak SPR berhak berbuat demikian, iaitu pembetulan semula lokaliti di DUN masing-masing? Oleh yang de, oleh yang demikian, secara khususnya saya berpendapat bahawa pembetulan kali ini adalah berunsur politik untuk membantu Kerajaan Barisan Nasional. Itu saja Dato' Yang *Speaker*.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan ADUN Senawang.

Y.B. ADUN Senawang: Dato' Yang Dipertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua kerana mengizinkan saya untuk menyam, menyampaikan Ucapan Penangguhan di Persidangan Kedua Penggal Keempat, Dewan Undangan Negeri Yang Ke-13 ini di bawah tajuk "Banjir Taman Bukit Emas".

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat, sama-sama.

Y.B. ADUN Senawang: Dato' Yang Dipertua, banjir Taman Bukit Emas. Isu banjir Taman Bukit Emas yang sudah lama berlaku dan terus berlaku bukanlah isu baru tetapi ianya sudah diketahui umum dan Persidangan Dewan. Ini kerana isu ini telah dibangkitkan berulang kali dan masalah rintiti, rintitan [rintihan] penghuni mangsa kerap dimaklumkan. Setiap kali hujan, walaupun dalam masa 10 minit hujan turun, banjir kilat berlumpur akan berlaku dan 22 penghuni rumah dan kawasan jalan perkitaran, persekitaran akan menjadi mangsa keadaan. Dan setiap kali itulah penghuni akan menjadi mangsa dan memerlukan kerja-kerja pembersihan dari PBT.

Dato' Yang Dipertua, selain berhadapan dengan kerja-kerja pembersihan, banyak harta benda penghuni seperti perabot, kerusi, meja, almari, barang elektrik seperti TV dan sebagainya rosak teruk. Ada sebagainya [sebahagiannya] tidak dapat digunakan semula. Ini semua memerlukan kos untuk membaiki atau membeli semula barang keperluan tersebut. Penghuni yang menjadi mangsa dan setiap wang ringgit yang digunakan untuk menanggung kerugian tidak pulak menerima sebarang ganti rugi atau pampasan. Pihak Kerajaan Negeri dan PBT berkaitan perlu memikirkan sebarang pengagihan pampasan bagi pembantu mangsa banjir ini kerana mereka sudah lama menjadi mangsa dan ini bukanlah kehendak mereka. Ini adalah antara bencana dan dalam, dan punca kelewatan pihak PBT dalam mengatasi masalah ini yang sudah sekian lama berlaku dan ditanggung.

Dato' Yang Dipertua, tebing setinggi 12 kaki yang menjadi pen, pen, penting [benteng] menahan banjir pula sudah retak dan telah condong sehingga menutup sebahagian aluran longkang sehingga lampahan [limpahan] air berlaku setiap kali hujan. Tambahan lagi air setinggi lima kaki sentiasa bertakung dan banyak sampah sarap dibawa sama

ketika hujan ke dalam longkang yang mempunyai kedalaman setinggi enam kaki dan empat kaki lebar ini. Longkang yang tersekat akibat halangan tebing condong tidak mampu menampung aliran deras. Ini kerana longkang ini menjadi pusat aliran air dari taman-taman berdekatan. Andaranya, antaranya Tesco, Taman Seremban Jaya 1, Taman Senangin, Tol Senawang, Taman Merpati, Taman Seri Kamban, dan Taman Bukit Emas sendiri.

Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin menarik perhatian para sidang Dewan dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Menteri Besar selaku ADUN kawasan Rantau berhubung janji beliau untuk meninjau lokasi banjir ini, tetapi sehingga hari ini Yang Amat Berhormat masih belum sampai lagi ke kawasan banjir

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, mohon mencelah.

Y.B. ADUN Senawang: Boleh, boleh.

Y.A.B. ADUN Rantau: Mana *you* tau saya tak ada tinjau. Mana *you* tau saya tak ada tinjau. Tinjau, bukan melawat tau, tinjau. "Tinjau" tau apa?

Y.B. ADUN Senawang: Okay, okay.

Y.A.B. ADUN Rantau: Aya, tinjau tau apa?

Y.B. ADUN Senawang: Boleh, boleh, boleh. Tak ada masalah.

Y.A.B. ADUN Rantau: Saya sudah banyak kali tinjau tau.

Y.B. ADUN Senawang: Okay.

Y.A.B. ADUN Rantau: Saya bukan datang melawat, saya tak cakap, saya tak janji saya datang melawat. Saya kata saya akan tinjau. Saya tinjau, saya lalu saja saya sudah tinjau. Podah.

Y.B. ADUN Senawang: Okay, okay Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, terima kasih.

Y.B. Dato' Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, kena tarik balik *statement* tu.

Y.B. ADUN Senawang: Okay, saya tarik balik. Itu tinjau ka, melawat ka, tapi janji hari tu dalam Dewan yang mulia ini, janji tapi, okay, okay.

Yang Amat Berhormat perlu turun padang dan meninjau haa, meninjau sendiri kawasan ini ketika hujan dan bagaimana penghuni terpaksa mengharungi saat-saat kitar dan masalah-masalah lain yang terpaksa dihadapi sama. Ini membolehkan yang be, Yang Amat Berhormat dapat memahami dan membuat kesimpulan sendiri serta memikirkan satu jalan penyelesaian demi kebajikan penghuni.

Dato' Yang Dipertua, oleh yang demikian, saya selaku wakil penduduk Taman Bukit Emas memohon dan berharap agar sekurang-kurangnya jalan penyelesaian sementara dapat dilakukan. Kerja-kerja pengorekan dan mendalamkan semula longkang dan sistem perparitan sedia ada harus dilakukan agar aliran air deras dapat ditam, di, ditampung serta air dapat mengalir dengan lancar dan tidak limpahan air ke darat berlaku lagi.

Tambahan lagi, bahan-bahan dan peralatan pembinaan sudah lama terlonggok di kawasan terbabit di pernah juga jentera berat memasuki kawasan ini untuk menjalankan kerja-kerja mengorekkan tetapi tidak per, perubahan. Kerja-kerja pengorekan dan membina yang dirancang masih tergendala atas alasan peruntukan belum diterima.

Dato' Yang Dipertua, dan janganlah pula isu peruntukan belum diterima terus dijadikan alasan tanpa sebarang jalan penyelesaian jangka panjang ataupun jangka pendek. Kebajikan penghuni perlu diambil kira meskipun jalan penyelesaian bersifat sementara. Ini perlu dilakukan segera demi kepentingan rakyat. Dato' Yang Dipertua, 2008 sampai 2006, Dewan yang mulia, saya banyak kali masalah ni saya sudah bangkit, saya mintak Yang Amat Berhormat mintak tolong kasi *settle*-kan *problem* ini, terima kasih, terima kasih, terima kasih.

Y.B. Dato' Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan ADUN Gemencheh.

Y.B. ADUN Gemencheh: Terima kasih Dato' Yang Dipertua memberi peluang kepada saya dalam membuat Ucapan Penangguhan. Saya hari

ini, sebab, disebabkan masa masih ada, saya tidak akan tarik baliklah. Dan, belum terlambat bagi saya, hampir baru seminggu saya kita telah lalui Hari Raya Aidilfitri, di kesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir batin kepada semua di dalam Dewan yang mulia ini.

Dan saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak *utilities-utilities* yang membantu dalam musim perayaan seperti SAINS, TNB dan jugak JKR, yang membantu melancarkan, tidak ada berlakunya, disebabkan ramai yang balik ke kawasan luar bandar, pihak SAINS sentiasa bersedia untuk membantu jika ada paip-paip pecah dan membantu meningkatkan kapasiti air ya, di kawasan-kawasan yang sentiasa, selalu putus. Dan alhamdulillah, pada tahun ini nampaknya saya boleh bagi lima bintanglah kepada pihak SAINS kerana saya dapat berhari raya dengan aman dan damai dan tiada berlakunya ketidak kecukupan air di musim perayaan. Begitu jugak dengan pihak TNB, sentiasa menjaga bekalan elektrik kan. Dan jugak saya mengucapkan ribuan terima kasih jugaklah kepada pihak PDRM yang membantu kawalan lalu lintas ya, di kawasan Tampin, melicinkan perjalanan balik dan jugak pu, balik ke tempat masing-masing.

Di kesempatan ini jugak Dato' Yang Dipertua, saya mengucapkan tahniah kepada semua atlet-atlet kita yang cemerlang di SUKMA di Sarawak baru-baru ini ya. Dan nampaknya kedudukan kita bertambah baik daripada dua tahun lepas, di Perlis. Kali ini kita bertambah baik, kita berada di tempat yang ke-9 dan jugak dapat 19 emas. Maknanya kita tidak boleh lari daripada angka 9 ini ya. Dan komitmen Yang Berhormat Dato' ADUN Chembong, CDM kita, *Chef de Mission* kita yang sentiasa memainkan peranan dan menggalakkan atlet-atlet kita agar cemerlang di SUKMA tempoh hari. Dan jugak terima kasih kepada Pengarah Majlis Sukan Negeri, Pengarah Belia Dan Sukan dan jugak persatuan-persatuan yang sentiasa menjaga kebajikan atlet-atlet kita. Dan saya yakin dan percaya persatuan-persatuan ini dapat bergerak dengan lebih baik pada masa akan datang di atas sokongan kita semua bagi memastikan atlet-atlet Negeri Sembilan berjaya pada masa-masa akan datang.

Saya tidak ada nak berucap panjang pada hari ini Dato' Yang Dipertua, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi laluan kepada saya. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertu Dewan: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan ADUN Sungai Lui.

Y.B ADUN Sungai Lui: Bismillahirrahmannirrahim. Terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat ADUN Rantau kerana telah memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam Ucapan Penangguhan di dalam Persidangan Kedua Penggal Keempat, Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-13 pada hari ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Sungai Lui ingin melahirkan rasa ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih khususnya kepada Yang Amat, Yang Amat Berhormat ADUN Rantau di atas keprihatinan kepada DUN Sungai Lui. Dan saya melihat bahawa beliau melalui kepimpinan beliau yang telah membawa Kerajaan Negeri Sembilan sentiasa memberi penekanan kepada pembangunan melalui dasar kepentingan iaitu dasar memakmurkan negeri dan mensejahterakan rakyat.

Dan di dalam kita, sehinggakan kita telah membe, mengambil kira terhadap pembangunan dan juga pemodenan Negeri Sembilan sehingga ke tahun 2045. Dan justeru itu dasar, segala dasar dan apa juga yang kita rancang tidak akan dapat kita capai, hari ini saya nak bawak tentang tajuk perpaduan ya, tidak akan dapat kita capai tanpa satu kata kunci iaitu tentang perpaduan dan juga kemakmuran yang kita nikmati dalam sebuah negara itu, negara kita ini.

Di dalam kita merancang kemajuan dan juga pembangunan negeri, jangan kita lupa tentang kesejahteraan dan ju, di dalam kehidupan. Di sini saya melihat tentang semangat perpaduan yang akhirnya akan menjadi kunci kepada kemakmuran dan juga kehidupan di Malaysia pada masa-masa akan datang. Semangat kecintaan kepada negara dan tanah air perlu kita terapkan demi untuk kesinambungan kehidupan pada masa-masa yang akan da, akan datang. Sikap toleransi antara kaum perlu kita terapkan dan diamalkan. Justeru itu, segala provokasi yang melampau dan pendapatan tentang isu-isu perkauman tanpa batasan boleh menjadi api dalam sekam dan akhirnya tidak menguntungkan mana-mana pihak jika berlaku sesuatu keadaan yang tidak diingini di dalam negara kita. Bak kata pepatah "kalah menjadi abu, menang menjadi arang".

Oleh itu, kita seharusnya menjadi contoh dan tauladan kepada rakyat di luar supaya kita men, kita perlu menolak tentang fahaman perkauman yang melampau dan juga sikap ekstremis di dalam kita menjalani kehidupan seharian. Oleh itu, di sini saya mengambil ke, menggesa semua pihak supaya kita perlu mengekalkan keamanan dan juga kesejahteraan yang telah kita nikmati sejak sekian lama. Dan prinsip-prinsip Rukun Negara perlu kita hafal dan kita amalkan di dalam kehidupan seharian kita untuk menjadikan ataupun melahirkan rakyat

Malaysia yang sentiasa taat kepada negara. Dan untuk itu, kita perlu tolak campur tangan asing di dalam negara kita demi untuk menggugat kesejahteraan dan juga keamanan yang telah kita nikmati sejak sekian lama.

DUN Sungai Lui juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat, yang telah mengambil berat tentang persediaan semasa kita menjalani perayaan sambutan hari raya terse, baru-baru ini, dan buat kali pertamalah kita aman untuk menyambut hari raya pada kali ini. Untuk itu, dan juga ribuan terima kasih kepada yang terlibat yang telah mengambil langkah-langkah cepat dan pantas untuk menangani masalah tanah runtuh yang berlaku di Jalan Ayer Hitam baru-baru ini. Ribuan terima kasih juga kepada semua pihak yang telah mengawal pada hari ini, siang malam mereka membuat kawalan supaya tidak berlaku apa-apa kejadian yang tidak baik di kawasan tersebut.

Dan DUN Sungai Lui juga ingin memohon pada, kesempatan pada kali ini supaya jalan yang berbukit di kawasan laluan utama antara, keluar ke Pahang tersebut supaya dapat kita rendah dan kita luruskan di kawasan selepas kawasan di bandar tersebut kerana ada selekoh yang tajam di atas bukit tersebut. Ini semua adalah untuk mengelakkan segala kejadian yang tidak diingini berlaku di kawasan tersebut.

Dan sekali lagi DUN Sungai Lui jugak memohon supaya *signboard* "Selamat Datang" dan juga lanskap di pintu masuk sempadan kita tu akan dapat kita laksanakan secepat mungkin pada, untuk menggambarkan bahawa Negeri Sembilan sentiasa berada dalam keadaan kemakmuran dan juga pemodenan Negeri Sembilan, dan orang luar boleh nampak tentang, bila masuk kawasan Negeri Sembilan, nampak satu keadaan yang baik. Dato' Yang Dipertua Dewan, saya juga tidak ingin bercakap panjang pada kali ini. Dan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian di, di Persidangan Dewan pada kali ini. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan ADUN Juasseh.

Y.B. ADUN Juasseh: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. bismillahirrahmannirrahim. Pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua kerana memberikan ruang kepada saya untuk menyampaikan Ucapan Penangguhan pada kali ini. Dan yang pertamanya saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada ADUN Rantau yang secara serius telah memerangi judi haram di Negeri

Sembilan. Dan rata-rata, saya mendapati sokongan yang kuat daripada seluruh rakyat jelata. Saya berharap usaha ini dapat kita teruskan pada masa-masa yang akan datang. Tahniah dan syabas saya ucapkan.

Seterusnya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana banyak membantu saya terutamanya di dalam pembangunan di dalam DUN Juasseh secara khusus. Yang pertamanya, satu jalan yang pernah dijanjikan untuk kita sambung daripada Gentam ke UiTM, telah pun diusahakan. Dan alhamdulillah akan disiapkan segera mungkin. Dan baru-baru ini, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, di DUN Juasseh, kita telah menerima sebuah masjid, bangunan baru iaitu di Masjid Gentam yang telah pun diserahkan oleh Yang Amat Berhormat ADUN Rantau pada 4 haribulan yang lepas. Saya selaku ADUN Juasseh mengucapkan setinggi-tinggi peng, penghargaan dan terima kasih di atas bangunan masjid yang baru ini. Kerana masjid lama yang telah pun digunakan selepas 30 tahun merupakan masjid pasang siap, yang kita tidak boleh perbaiki lagi kerana strukturnya rosak, kita usik sikit, mungkin keseluruhan, keseluruhan bangunan masjid boleh runtuh. Dan bangunan ini juga merupakan bangunan bukan saja digunakan oleh warga Kampung Gentam tetapi jugak oleh anak-anak daripada Sekolah Tuanku Jaafar. Yang mana dalam Dewan ini ada alumninya beberapa orang.

Dan terima kasih sekali saya ucapkan kerana bangunan ini menjadi mercu tanda bagi warga di Kampung Gentam. Dan satu perkara yang saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, di dalam usaha kita membina bangunan di dalam kita memperkasakan syiar Islam. Untuk mendidik dan memperkasakan keharmonian masyarakat adalah perlu dalam usaha kita menarik masyarakat ke masjid. Rata-rata kita mampu menyediakan banyak masjid. Dalam DUN saya saja ada tujuh buah masjid. Tapi kadang-kadang, waktu fardhu pun kurang masyarakat di de, di, mengguna, di dalam mengimarahkan masjid.

Dan alhamdulillah sebentar tadi Yang Amat Berhormat DUN Rantau telah mencadangkan satu usaha untuk menggalakkan anak muda datang ke masjid dengan memasang pusat internet di masjid-masjid, dalam masa yang sama memberi pulangan kepada masjid. Tahniah dan syabas saya ucapkan. Dan saya berharap usaha yang murni ini dapat kita panjangkan ke kawasan-kawasan perkampungan dan kawasan-kawasan luar bandar. Dan saya yakin dan percaya ini adalah, adalah salah satu dasar dan usaha untuk kita memperkasakan, memakmurkan masyarakat di luar bandar di dalam kita menjadikan Negeri Sembilan Moden 30 tahun sehingga 2045.

Dato' Yang Dipertua, bukan itu sahaja yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri, saya jugak ingin mengucapkan berbanyak terima

kasih kepada Kerajaan Negeri yang banyak membantu masyarakat miskin kita di Negeri Sembilan ini terutama di dalam DUN Juasseh sahaja melalui JKM lebih 400 penerima orang miskin yang saya sendiri menyampaikan sumbangan kepada mereka. Begitu jugak golongan asnaf di DUN Juasseh saja lebih 300 orang yang dibantu melalui Baitulmal yang dikatakan memberi sumbangan *one off* tetapi bukan saja sebelum hari, sebelum bulan puasa tetapi sebelum jugak hari raya diberi bantuan-bantuan *one off* ini. Ini tidak lain tidak bukan, oleh kerana kepimpinan negeri kita yang telah pun menggalakkan para pekerja warga Baitulmal untuk meningkatkan lagi hasil pusat zakat kita yang satu masa dulu daripada 15 juta, hari ini kita dah dapat sampai 95 juta. Dan hasil tersebut dapat kita agihkan kepada golongan-golongan fakir miskin dan jugak golongan asnaf yang lapan. Yang mana jugak dapat jugak membantu anak-anak kita belajar sampai ke luar negara, alhamdulillah. Tahniah dan syabas saya ucapkan sekali kepada Kerajaan Negeri.

Dan jugak saya ingin membangkitkan isu dalam kita menyambut hari raya baru-baru ini Dato' Yang Dipertua, ucapan tahniah dan terima kasih kepada jabatan dan jugak agensi yang banyak membantu saya di kawasan terutamanya pihak SAINS, TNB, JKR, PDRM, yang mana seperti yang disebutkan oleh rakan saya sebentar tadi, iaitu pada hari raya kali ini dapat kita berhari raya dalam keadaan aman kerana tiada ada *phone call* daripada warga kampung mengatakan tidak ada air. Sekali lagi tahniah saya ucapkan. Cuma ada sedikit saja ketiadaan air, tergendala dan dapat dibantu oleh pihak SAINS menguruskannya dalam masa yang singkat.

Walau bagaimanapun, saya ingin meminta bantuan daripada Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan permasalahan air terutamanya di musim-musim perayaan ini, yang mana bukan penggunaan air meningkat sekali ataupun dua kali, berganda, tetapi sampai ke tahap 40 kali ganda penggunaan air. Yang mana kadang-kadang satu rumah yang kosong di kampung, yang balik sampai 40 orang. Jadi, keperluan air yang mendadak ini mening, penggunaan yang meningkat jadi menjadikan permasalahan kepada bekalan air yang tidak cukup oleh jugak paip yang pecah akibat daripada tekanan yang tinggi. Kadang-kadang kerosakan pam berlaku. Jadi, saya memohon kepada pihak Kerajaan Negeri untuk mengadakan penambahan tangki untuk memastikan bekalan air yang cukup kerana di kawasan-kawasan kampung, saya ulang sekali lagi, ketiadaan tangki-tangki di rumah masing-masing. Begitu jugak ketiadaan tangki untuk membekalkan air apabila berlaku sebarang kecemasan seperti yang, tangki yang berada di kawasan-kawasan perumahan, tidak ada di kawasan-kawasan kampung. Jadi, penyelesaian secara total kita perlukan kerana lori ra, loji rawatan di

Jeram Tengkek yang kita adakan menghadapi masalah kekurangan bekalan pada masa ini terutamanya di musim kemarau yang lepas.

Seterusnya Dato' Yang Dipertua, saya ingin mencadangkan beberapa penyelesaian jangka pendek bagi kesesakan jalan raya terutamanya di musim perayaan yang berlaku terutamanya daripada jalan Kuala Pilah ke Seremban. Walaupun telah pun disebut beberapa kali perancangan daripada pihak Kerajaan Negeri, untuk menyelesaikan permasalahan jalan, kesesakan jalan raya di musim perayaan ini untuk mengadakan jalan pintas daripada Seremban sehingga ke Serting. Tetapi sementara ini saya ingin mencadangkan untuk mengadakan laluan memotong bagi kenderaan-kenderaan berat diadakan terutamanya di kawasan Seri Menanti yang mana terdapat jalan-jalan lurus yang boleh membenarkan lori untuk memotong. Kebanyakan lori ini datang daripada Kuantan, luar pada Negeri Sembilan, dan mereka menggunakan jalan kita, jadi kesesakan terutamanya di musim perayaan mengakibatkan kesesakan hingga ke Kuala Pilah. Kalau daripada Seremban, kesesakan terus sampai ke Seremban.

Sekarang ini, sedang dibangunkan jalan di kawasan Kampung Sawah Liat dan difahamkan satu jalan baru akan diwujudkan 1.5 kilometer dan sungai tersebut akan dialihkan. Dan saya ingin mencadangkan jalan lama yang sedia ada tu dikekalkan, dijadikan ruang memotong untuk kenderaan-kenderaan berat ke tepi dan bagi kenderaan-kenderaan ringan ini boleh memotong. Jadi ini akan menyuraikan lagi permasalahan *jam* terutamanya di hujung dan membolehkan kenderaan-kenderaan ringan ini memotong.

Begitu jugak jalan lurus yang, yang sedia ada sekarang ini, selepas Sekolah Rendah Ulu Bendul tersebut, diminta kalau boleh diadakan satu ruang memotong untuk kenderaan-kenderaan berat ke tepi untuk kenderaan-kenderaan ringan memotong di kawasan tersebut. Dan ini saya yakin dan percaya dapat mengurangkan sedikit kesesakan terutamanya di hujung minggu selain di musim-musim perayaan.

Jadi, saya tidak berniat untuk berucap panjang pada kali ini. Sekali lagi mengucap kepada Dato' Yang Dipertua kerana memberi kepada saya untuk menyampaikan Ucapan Penangguhan. Dan ucapan tahniah dan syabas kepada Dato' Dipertua kerana dapat menyusun Persidangan Dewan kita pada kali ini dalam keadaan teratur. Sekian, terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Ucapan Penangguhan kali ini. Sekarang saya persilakan pihak kerajaan jika ingin menjawab.

Y.B. ADUN Pertang: Dato', Dato' Yang Dipertua, saya mengambil kesempatan ini untuk beri sedikit penjelasan lagi tentang YB Chennah tadi, tentang permohonan lesen rumah apa ni, penyimpanan abu mayat tadi. Permohonan itu telah ditolak pada 14 Disember 2015. Walaupun jawatankuasa ataupun permohonan telah memuka, mengemukakan sekali lagi rayuan, dan permohonan itu telah ditolak.

Dato' Yang Dipertua, saya suka memberikan sedikit pandangan kepa

Y.B. ADUN Chennah: Penjelasan Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat Pertang kata ada rayuan dibuat.

Y.B. ADUN Pertang: Ya.

Y.B. ADUN Chennah: Selepas permohonan pertama.

Y.B. ADUN Pertang: Selepas.

Y.B. ADUN Chennah: Adakah rayuan itu telah ditolak atau belum?

Y.B. ADUN Pertang: Belum. *Not decide yet.*

Y.B. ADUN Chennah: Belum lagi, okay.

Y.B. ADUN Pertang: Terima kasih. Dato' Yang Dipertua, yang ADUN Senawang ni Dato' Dipertua, tam, Taman Bukit Emas ni, saya akuilah ADUN Senawang ni *very hardworking*, dengan izin, memang selalu kacau saya. Dan untuk makluman Dewan, memang kita bantu. Setiap.....

[Percakapan oleh Y.B. ADUN Port Dickson tidak dapat dirakan kerana alat pembesar suara beliau tidak diaktifkan]

Y.B. ADUN Pertang: Sabarlah Port Dickson, bagilah saya jawab. Setiap permohonan daripada ADUN Senawang, *without fail*, dengan izin, memang kita bantu. ADUN Senawang, betul tak? Kita bagi, hantar

pasukan petugas dan sebagainya. Cumanya saya nak maklum kepada Dato', Dewan yang mulia ini bahawa kerja-kerja telah pun kita hantar dan juga telah pun dilantik kontraktor yang mana kerja ini menelan perbelanjaan 2.4 milion, 2.4 juta. Dan ken, peralatan *box culvert* dan jugak *L-shape drain* telah pun dibekalkan ke tapak. Cumanya buat ketika ini, kontraktor sedang menyelaraskan perpindahan kabel Telekom dan paip pembentungan IWK yang melalui rizab perparitan. Uлити, utiliti ini perlu kita alihkan dahulu sebelum kerja-kerja seterusnya kita lakukan. Jadi, terima kasih Dato' Yang Dipertua.

Y.B. ADUN Lenggeng: Yang Dipertua, walaupun ini saya tak menghantar notis Ucapan Penangguhan, kebanyakan orang-orang kampung mengingatkan saya dapat meninggalkan pesan di Dewan yang mulia ini. Saya berkesempatan pergi hari raya dalam tempoh seulan hari raya. Kebanyakan tempat semua orang berpesan, Dato' dalam Dewan besok tolong sebut. Pada tahun hadapan [sebahagian dari percakapan oleh Y.B. ADUN Lenggeng tidak dapat dirakam kerana terdapat gangguan kepada sistem pembesar suara beliau] *serontak semuo* daerah di Negeri Sembilan. Sekian.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, kita ni tengah menjawab ni ya. Silakan pihak kerajaan.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, terima kasih kerana, saya ucapkan kepada rakan-rakan ahli Yang Berhormat kerana telah pun mengambil bahagian dalam sidang Dewan dan jugak dalam Ucapan Penangguhan. Dan ada beberapa perkara yang telah pun diutarakan, pandangan-pandangan yang telah pun diberi, akan kita ambil maklum Dato' Yang Dipertua. Dan cadangan-cadangan tersebut akan kita kaji selidik dan akan kita ambil tindakan yang sewajarnya.

Berkenaan dengan ADUN Temiang, kos sara hidup yang tinggi. Ini memang menjadi asas kepada Kerajaan Negeri Sembilan untuk kita sentiasa memantau dan mencuba dari segala, segala genap sudut, dari segala aspek Dato' Dipertua, untuk kita pastikan supaya bebanan kos sara hidup yang ditanggung sekarang ini oleh rakyat tidak ditambah dengan dasar-dasar yang boleh menyebabkan kos sara ini lebih meningkat lagi. Jadi kalau setakatkan di Kerajaan Negeri Sembilan, Dato' Dipertua, dasar-dasar yang kita telah buat selama ini dan dasar-dasar yang bakal kita, yang sedang kita rancang dan bakal kita kemukakan dan kita buat, telah pun mengambil kira Dato' Dipertua, mengambil kira tentang asas pokok kepada ini, yang saya sebutkan tadi ialah falsafah utama kita ialah untuk kita membangunkan negeri, betul.

Kita perlu bangunkan negeri Dato' Dipertua, kerana tanpa pembangunan kita tidak akan dapat hasil. Kerana daripada pembangunan sahajalah yang akan dapat memastikan hasil lumayan, yang daripada pembangunan tersebut hasilnya akan kita kutip dalam bentuk berbagai-bagai bentuklah. Bentuk premium, dan macam-macam lagi. Dan hasil inilah yang telah pun dan akan kita keluarkan semula untuk kita membuat perbelanjaan membangunkan kesejahteraan rakyat.

Dan kita telah pun memutuskan Dato' Yang Dipertua, bahawa bagi sebuah negeri yang bersaiz *kecik* dan sederhana seperti Negeri Sembilan ini, dengan kos pengurusannya yang kita kawal, yang kita buat dengan baik, untuk pengetahuan Dato' Yang Dipertua, untuk sekian kalinya dalam Majlis Kewangan Negeri, Negara yang baru-baru ini, Negeri Sembilan merupakan negeri yang merupakan kos penyelaras, kos operasinya yang paling rendah dalam negara, Dato' Dipertua. Kita paling rendah, ya. Walaupun ada negeri yang lagi lebih *kecik* daripada kita, tapi kos operasinya lebih tinggi daripada kita. Haa ini dah disebut setiap tahun kerana kita kawal kita punya perbelanjaan, kita urus perbelanjaan dengan baik.

Jadi segala pembangunan yang dibuat akan mendatangkan hasil. Jadi jangan pulak kita kata kita tak perlu pembangunan, kita perlu. Kita perlu bangunkan Negeri Sembilan tetapi kita perlu jugak rancang. Pembangunan yang terancang akan mendatangkan hasil yang baik. Dia masalahnya kadang-kadang Dato' Dipertua, pembangunan tak dirancang dengan baik. Dia akan mendatangkan banyak masalah. Seperti di Bukit Temiang, atau di, di Bukit Emas, ya, di Senawang. Itu pembangunan yang memandang jangka pendek sahaja ya. Dia punya parit dulu 2 x 4, tapi sekarang pembangunan dah masuk ke lot kedua, ketiga, keempat, dan longkang yang di atas lebih besar pada longkang yang tepi jalan besar. Ini suatu perkara yang perlu kita perbetulkan. Jadi, alhamdulillah Dato' Dipertua, segala yang kita rancang, segala yang kita dasar yang nak kita buat akan kita pastikan supaya ia mengambil kira bahawa ia tidak akan mendatangkan masalah dan melibatkan kos sara hidup yang lebih tinggi.

Dan dah banyak kali dah Dato' Dipertua, di Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, setiap tahun PBT-PBT menghantar laporan penilaian kawasan masing-masing, Dato' Dipertua. Dalam masa yang sama memohon supaya cukai-cukai pintu dinaikkan kerana kos penyelenggaraan semakin hari semakin tinggi. Kos penyelenggaraan tinggi, jadi PBT memerlukan jugak pendapatan untuk mereka menampung kos. Tetapi setakat hari ini Kerajaan Negeri masih lagi bertahan dan menasihatkan Kerajaan-Kerajaan Tempatan supaya dalam keadaan kos sara hidup yang tinggi yang dihadapi oleh masyarakat dan rakyat keseluruhan

sekarang ini, adalah lebih baik untuk kita tidak meningkatkan ataupun menaikkan cukai-cukai pintu.

Dan Kerajaan Negeri pun tahun lepas merupakan tahun kajian yang membolehkan Kerajaan Negeri untuk kita menaikkan cukai tanah. Dia cukai tanah ini di dalam kajiannya ialah 10 tahun sekali. Dan Kerajaan Negeri jugak telah memutuskan bahawa kita ambil maklum Dato' Dipertua, bahawa cukai tanah boleh dikaji tetapi Kerajaan Negeri telah membuat pendirian bahawa tidak ada kenaikan cukai tanah yang akan dikenakan Dato' Dipertua, inshaa Allah.

Jadi, berbagai-bagai program kita buat. Berbagai-bagai gerakan kita buat. Seperti disebut oleh Yang Berhormat daripada Lenggeng. Kita nak membantu. Dato' Yang Dipertua, dia punya asalnya Mantai Perdana ni Dato' Dipertua ialah nak bagi kepada orang miskin, kepada fakir miskin ya. Tetapi sekarang ni dah sampai orang daripada Cheras, orang daripada Bangi, daripada Shah Alam datang beli daging kat Seremban. Agaknya terlampau murah kerana kita jual 20.00 ringgit sekilo dan di luar menjual 35.00 ringgit, Dato' Dipertua. Dan kita pakat-pakat dengan penternak supaya penternak datang. Ini bukan program kerajaan punya da, punya lembu Dato' Dipertua, ataupun punya binatang ternakan. Bukan kita punya. Kita cuma menganjurkan saja dia di, di, di apa ni, bersama-sama dengan penternak-penternak ya. Jadi, mereka ada penternak datang, dia nak jual 10 ekor, ada yang jual 100 ekor, macam-macam, kerana kita boleh bawak orang.

Jadi, terlampau murah agaknya, jadi banyak orang datang beli. Kita pun, saya pun telah pun memikirkan bahawa roh kita punya asal tujuan kita dulu tu dah, dah, dah tergelincir Dato' Dipertua, ya, kita nak bagi kepada fakir miskin, anak yatim. Jadi saya akan buat kajian, saya telah pun melihat bahawa banyak jugak *short coming* dia ataupun masalah dia Dato' Dipertua kan. Mana cukup kita nak siapkan daging untuk seluruh Negeri Sembilan kan, tak cukup. Jadi apa yang kita buat, boleh jadi tahun depan boleh jadi tak ada lagi Mantai Perdana, boleh jadilah ya. Dan kita akan buat terus sampai ke kumpulan sasar melalui masjid, Dato' Dipertua. Kalau masjid boleh buat program korban semasa Hari Raya Korban, semestinya masjid punya kakitangan, masjid punya pekerja boleh jugak menolong kerajaan, menolong Baitulmal untuk menyediakan daging untuk fakir miskin di kawasan masing-masing, yang sekarang ni kita telah kenal pasti. Dan kita akan perturunkan kuasa jugak, boleh jadi tahun depan atau tahun sebe, selepasnya, supaya asnaf fakir dan miskin ini diurus oleh masjid. Jadi, tidak timbul soal nanti tak ada orang, ada orang terlepas pandang, ada orang tak dapat, ada anak yatim tak dapat, ada itu tak dapat. Masjid, dan kita akan dapat maklumat dalam kariah dia berapa orang asnaf fakir, berapa asnaf miskin, berapa anak yatim, kita akan bagi. Dan boleh jadi

kita bagi lembu-lembu tersebut, ataupun binatang tersebut pergi kepada masjid-masjid melalui kita punya duit zakat ataupun duit Baitulmal kita. Itu kita buat.

Kadang-kadang nak memenuhi kehendak orang ni susah Dato' Yang Dipertua. Kita buat 2.5 tan daging, 2.5 tan daging tetapi masih tak cukup ya. Jadi berapa cukup? Bak kata pepatah orang-orang tua Dato' Dipertua, kita taklah nak mengkajang batu sekampung, kan. Tak terkajangkan deh, memang tak cukup ya. Jadi, dia dah kita gagal dalam kejayaan. Gagal memenuhi kehendak orang ramai, walaupun program tu satu program yang berjaya ya. Program tu berjaya, pada pandangan kita, pandangan saya kita gagal ya. Kita buat daging, orang beratur, dah tiga jam, sampai-sampai tak ada daging. Pun marah orang.

Macam jugak makan durian, kata masuk 15.00 ringgit, beratur, beratur, durian tak ada. Nasib baik orang tu sabar, kalau saya, saya ambil kulit durian saya pupukkan kepala ke muka dia, kan. Dah beratur tengah panas, tengok-tengok daging tak ada, tiga jam. Dah beratur tengah panas, durian musang king ke, musai, misai king ke, apa benda king tak ada, *dapek* makan langsung, 15.00 ringgit Dato' Yang Dipertua, *apo ko bondo eh*, kan. Tak, tak cukup. Jadi, *operational issue* mesti dilihat kerana kita boleh buat, itu sebabnya M Shariff kata "aku menulis bukan kerana nama". Kita buat dengan kerana nama ya, ya. Buat kerana kita nak buat kerana kita tahu itu suatu kebajikan. Kalau kita buat kerana kita nak *jobo* tuan-tuan, dengan izin, susah.

Saya mintak maaf cakaplah di sini sebab saya yang dilantak *kek* orang. dalam *Facebook* saya, dalam *WhatsApp* saya, dalam apa, *Instagram* saya, Dato' Yang Dipertua, orang maki saya, ya, kan. Orang marah saya, sebab saya melancarkan, kan. Jadi apa kena mengena dengan saya? Kalau saya, saya tahu, saya bawak pokok durian situ, dah *habih* buah dia, berhentilah beratur. *So*, itu perkara-perkara yang perlu kita buat.

Tapi berbalik kepada Temiang tadi, kita akan buat. Kita akan pastikan supaya apa sahaja program yang kita buat, kita pastikan ianya tidak akan mendatangkan bebanan. Beban yang dah ada ni cukup. Tapi alhamdulillah Dato' Dipertua, sekarang ni Kerajaan Pusat, Kerajaan Barisan Nasional Pusat, pun tadi saya katakan rumah, kita pun buat rumah, Rumah Mampu Milik, kita mintak supaya pemaju buat Rumah Mampu Milik, dan macam-macam kita buat. Dan dalam masa yang sama golongan yang perlu dan mesti kita bantu akan terus kita bantu. Perlu kita bantu mesti kita bantu. Melalui Baitulmal ke, melalui JKM ke. Saya yakin bahawa kita punya Dasar Jaringan Keselamatan Sosial ni amat berjaya. Kalau ada satu dua yang terlepas pandang tu, jangan ianya dijadikan sebagai isu. Kita sama-sama selesaikan. Semua YB-YB, ya. Baik YB yang bukan dengan kerajaan dan juga dengan kerajaan

jugak. Ada kita lihat, ada kita dapat maklumat, bawak ya. Bawak dengan semangat nak menolong. Nak semangat kerana nak menonjolkan, haa ini orang tak dapat, kita nak jadi *champion*. Jangan jadi *champion* dalam hidup. Kita, *we must be an effective leader, don't go for popularity because it won't last long. Go for how to be an effective leader*. Sebagai pemimpin, mesti pemimpin yang efektif, pemimpin yang kalau nak tolong rakyat, kalau nak betul-betul bekerja untuk rakyat, buat kerja betul-betul. Bukan kerana nak jadi *champion* ya. Jadi Dato' Yang Dipertua, itulah.

Berkenaan dengan SPR ubah kawasan, saya pun tak tahu. Saya pun tak tahu Dato' Dipertua. Saya, saya pun pertama kali saya dengar. Lepas tu dia kata Senawang pulak kena, ya? Kawasan mana saya tak tahu. Saya, saya, ini SPR dia tak berunding dengan kerajaan Dato' Dipertua. Kalau kerajaan boleh berunding dengan SPR senanglah, dah lama ita menang semua kerusi dah, kan. Kalau kita boleh urus dengan SPR, *you all* tak ada sini tau, tak ada sini. Kalau *if I have my way* dengan SPR, memang tak ada. Nombor 1, nombor 1 Senawang tak ada. *So*, saya tak tahu, saya pun hari ni saya baru dengar, bahawa ada bersempadanan. Saya dengarlah persempadanan baru tapi kita perlukan majoriti kan. 2/3 majoriti, nak pergi ke Parlimen apa semua kan, itu persempadanan semula baru ni memang saya tak tahu Dato' Dipertua. Kalau saya tak tahu, saya cakap tak tahu. Kerana SPR tak pernah berunding dengan kita. Dan dia buat kerja pun tak memerlukan perundingan kita. Dan dia buat sendiri, boleh jadi ya, saya andaikan bahawa dia, bersempadanan semula ini untuk memperbetulkan sempadanan-sembadan yang dulu tak betul. Itu boleh jadi. Itupun bukannya jawapan yang sepatutnya daripada saya ya. Kerana saya tak tahu. Jadi saya tak dapat jawablah jawapan tu, ya. Saya baru hari ni dengar. Terima kasih.

Senawang, Bukit Emas, tadi Yang Berhormat Pertang, Dato' Jalal dah cakap, dah bagi dah 2.4 juta. Saya ada pergi. Saya ada pergi, tapi saya tak cakap dengan *you* ya. Buat apa nak bawak *you*. *You* dapat *milage* megah-megah apa hal ya. Saya pergi dengan YDP kan. Kalau bawak *you* pun *mengabihkan bogheh, buek apo*. Tak guna bawak *you* pun. Tapi kita buat. Dah dapat dah 2.4 juta. Tapi kerja yang sepatutnya bermula awal, banyak, banyak dia punya kemudahan-kemudahan apa orang kata, tu macam paipnya, macam apanya, telefonnya. Kena ubah dulu. Kerana dia ikut semua jalan itu, jalan longkang, ya, dah buat. Lepas tu *retaining wall* yang condong yang tadi, yang cakap tadi, itu pemaju punya *retaining wall*. Kita pun dah dapat kerjasama daripada pemaju untuk pemaju buat, betulkan. Jadi mengambil masa. Tapi duit 2.4 juta dah lulus, kontraktor pun dah dilantik, dan dia akan siaplah ya.

Tapi, seperti mana Jalan Sungai Gadut dulu, lama orang marah dengan saya jugak, tapi nak mengalihkan kemudahan-kemudahan awam tu, dia memakan masa yang panjang ya, nak kena ubah. Sekarang pulak kita dah ada kita punya dasar supaya tiada, tak ada *open cart* lagi, kita pakai *hijacking*, kan, itu kita buat. Seboleh mungkin kita di Negeri Sembilan ini kita tak nak buat lagi *open cart*. Pembaziran Dato' Yang Dipertua, kita buat jalan, dia pergi gali, kita turap jalan, dia pergi gali. Jadi macam kita buat di Taman Tuanku Jaafar dekat Perindustrian Senawang. Dah cantik jalan dah, lepas tu buat pulak *cabling*, gali pulak tengah-tengah jalan. Memang pun dia janji nak turap semula, tapi turap semula itu tak sebaik yang, kalau boleh jadi, kalau kita nak suruh turap semua jalan pulak, tak adil pulak kan, mahal ataupun belanjanya terlampau besar. Jadi, dah buat dah. Jadi baliklah, cakap dengan rakyat, rakyat Yang Berhormat Senawang, di Bukit Emas dah buat ya, kerja sedang buat, kerja mengalih-alih kemudahan asas, kemudahan awam ya. Saya tinjau. Saya tak ada janji pergi melawat tau. Saya selalu balik Rantau ikut tu hari-hari tau. Saya tinjaulah, tapi tak nampak *you* punya muka pun. *Where are you? You* taruk sana pampang *you* punya muka, *you* ingat orang suka *you* punya muka ke?

Okay, Senawang, bukit, banjir. Gemencheh, berkenaan dengan SAINS. SAINS ni saya pengerusi Dato' Dipertua, dan Dato' SUK sebagai Pengerusi Exco, kita telah pun mintak supaya seboleh mungkin kita kurangkan masalah air ya. Sebab tak guna kita kata macam-macam, tapi orang menghadapi masalah terutamanya musim raya. Hari raya memang permintaan terlampau tinggi. Tadi DUN Juasseh pun ada sebut. Memang betul kan. Tapi kadang-kadang kita bermasalah. Bila permintaan banyak, kita cuba untuk bukak dia punya tekanan lebih tinggi, daripada dua bar kepada tiga bar, pecah habis. Paip yang kita ada paip yang dah 40 tahun, pecah.

Jadi, apa yang kita buat Dato' Yang Dipertua, ialah kita dalam sedang rancak memassang apa yang dipanggil sebagai *self regulated pump*, yang mana dia *regulate* dia punya *pressure*. *Self regulated pressure*, setiap apa kita pasang supaya dia akan sendiri mengimbangkan dia punya tekanan Dato' Dipertua, dan mana-mana tempat seperti di Palong 7 ke, Palong berapa buat, kita buat tangki. Macam dekat Bahau dulu, kat atas bukit tu apa saya tak tahu, taman apa, kita buat tangki. Tangki 2,500 gelen untuk kemudahan 20 – 30 rumah di sana. Sedang kita buat. Dan ada jugak di kawasan-kawasan yang lain kita buat begitu. Yang kawasan tinggi kita buat rumah pam sementara Dato' Yang Dipertua, supaya ada air dapat.

Dan dalam masa yang sama kita jugak ada sekarang dah ada kita punya *gang* sendiri ataupun kumpulan-kumpulan pembaik sendiri. Dulu kita panggil kontraktor. Kontraktor tau sajalah, kadang-kadang dia datang,

kadang dia tak datang. Suruh buat pun kadang-kadang tiga hari tak pergi. Tiga hari tak *repair*, Dato' Dipertua, tiga harilah kita kehilangan hasil yang sepatutnya air tu menjadi hasil kepada SAINS. Jadi, kita dah buat dah kita punya kumpulan pembaik sendiri. Kalau ada saja dapat panggilan kecemasan berkenaan paip bocor ke apa masalah, maka kumpulan-kumpulan inilah yang akan kita hantar untuk menyegerakan kerja-kerja pembaikan, inshaa Allah. Kita sedang buat dan kita tahu dah kenal pasti semasa sebelum pilihan, semasa sebelum hari raya tempoh hari kita dah kenal pasti 47 *red spot*, 47 kawasan *red spot* yang mana setiap tahun ada masalah air apabila hari raya. Dan alhamdulillah, saya ucap terima kasihlah, *feedback* ataupun maklum balas daripada ahli Yang Berhormat tahun ini. Dan saya sendiri pun tak dapat apa-apa panggilan, saya tenang hari raya tahun ini. Saya pun tenang, kalau tidak pun saya pun pening kepala Dato' Dipertua. Ada satu dualah yang dekat dengan, dekat kawasan Palong, dan itu kawasan terpencil, rumah dia tinggi. Tapi itupun kita hantar pasukan untuk menghantar air. Tahniahlah saya ucapkan kepada SAINS, kepada TNB, kepada PDRM dan macam-macam ya.

Yang lain-lain, atlet. Kita tumpang sama, suka. Sebenarnya kita patut dapat lebih pingat emas Dato' Dipertua. Ada lima acara yang kita patut dapat tambahan lima lagi. Tapi, kadang-kadang sukan yang subjektif ini Dato' Dipertua, susah kita nak cakap. Kadang-kadang dia terlampau berpihak kepada pihak yang sebelah, tuan rumah, boleh kita kata kepada tuan rumahlah ya. Macam di Melaka dulu, pesilat tu dah tumbang Dato' Dipertua, kita dah angkat tangan dah, tapi dia menang. Apa nak buat, kan. Kita proteslah. Silat subjektif.

Wushu. Wushu patut kita senang-senang dapat tujuh pingat emas. Tapi, dia dibenarkan, dia kata empat cukup dia kata. Dia boleh kata Negeri Sembilan empat cukup. Dia tahu wushu *is, Negeri Sembilan is the power house of wushu*, dengan izin Dato' Yang Dipertua. Tahniahlah saya ucapkan kepada wushu. Senang-senang dapat lapan pingat emas, tapi dia kata *no, four*. Yang lain tu, dia kena sedekah dekat tuan rumah. Tuan rumah, semua tuan rumah nak menang kan, ya. Jadi macam silat, wushu-nya, silambam-nya, macam-macam Dato' Yang Dipertua, taekwondo, karate, kita masuk final, cuma satu, lagi satu *boxing* ya, tak dapat, patut dapat pingat emas, tak dapat

Y.B. ADUN Bahau: Dato' Yang Dipertua.

Y.A.B. ADUN Rantau: Tak dapat Dato' Dipertua ya.

Y.B. ADUN Bahau: Beli laluan. Tentang wushu tu, mereka beritahu peruntukan tak cukup. Kalau boleh dapat empat emas, so SUKMA tu, kerajaan kena kasi sumbangan lebih, lebih tinggi.

Y.A.B. ADUN Rantau: Jangan cakap saya tak bagi sumbangan. Nanti saya tak bagi terus. Yang Berhormat

Y.B. ADUN Bahau: Tapi ni, wushu tu.

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat berhati-hati.

Y.B. ADUN Bahau: Tak cukup, tak cukup. Dia ada dapat, tapi memang tak cukup.

Y.A.B. ADUN Rantau: Kita bantu, kita bantu. Kita nak bagi cukup, mintak sejuta, bagi sejuta, mana boleh.

Y.B. ADUN Bahau: Bukan, dia ni nak mintak tambah sikit. Terima kasih.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Dipertua, saya adalah merupakan penasihat wushu Negeri Sembilan. *You* tahu apa. Saya penasihat tau, ya.

Y.B. ADUN Bahau: Jikalau itu, memanglah kasi sumbangan lebih ting, tambah sikitlah tu.

Y.A.B. ADUN Rantau: Saya penasihat wushu dan juga saya khalifah agung silat gayung, jangan main-main, okay. Kita bantu. Tapi kita tak boleh bantu semua apa dia dimintak kan. Jadi, Dato' Dipertua, patut kita dapat 19, senang-senang YB Zaiful kan, 19 pingat emas. Takraw nak buat macam mana, dah masuk final Dato' Dipertua, tapi dia buat *tie-break*, kan, sampai mata ke 25. Kalah semata. *So*, itu pun, yelah tak, nasib tak menyebelahi kita. Tahniahlah saya ucapkan kepada kita punya apa kan, kontinjen. Kalau tidak kita senang-senang dapat nombor 5. Tapi, banyak orang berdoa supaya kita jangan dapat nombor 5 sebab kita sama dengan negeri jiran kita, selatan, sama

pingat emas, dia dapat pingat emas, tapi perak yang lebih. Tapi tak apalah, negara, negara pulak, kang nak jadi negara Negeri Sembilan pulak kang, kita jadi negeri yang kecil, tapi kita dapat mengatasi negeri-negeri yang lain Dato' Yang Dipertua, ya, inshaa Allah. Tahniahlah.

Tapi kita dah bincang dah dalam Mesyuarat Exco lepas, kita punya pengerusi belia dan sukan Negeri Sembilan membentangkan *post-mortem*, ataupun membentangkan laporan. Apa yang kita nasihatkan ialah supaya Negeri Sembilan mesti mempunyai, seperti yang saya cadangkan, kita macam kita ada rancangan pembangunan belia kan, lima tahun, lima tahun. Fasa lima tahun pertama, fasa lima tahun kedua. Kita mesti ada satu *blue print*, saya katakan, kerana dengan ketiadaan rancangan pembangunan ini, kita tak, kita main pakai, kita tak ada rancanganlah kan. So, kalau kita ada rancangan pembangunan sukan lima tahun pertama, 2017 – 2022 misalnya. Jadi kita buat, bincang betul-betul. Macam kita buat rancangan pembangunan belia, lima tahun pertama, kita dengar apa belia nak, dan kita buat. Suruh belia buat apa dia nak buat. Begitu jugak sukan, kita perlu ada *blue print*, ataupun kita ada dasar iaitu dasar pembangunan sukan pertama, lima tahun pertama, lima tahun kedua, buat tiga tahun, 15 tahun. Kalau kita ada satu perancangan lengkap berkenaan dengan pembangunan sukan di Negeri Sembilan ini, 15 tahun dipecahkan kepada tiga, Dato' Yang Dipertua, saya yakin Negeri Sembilan boleh menjadi sebagai *power house* untuk mengeluarkan ramai ahli-ahli sukan yang ternama pada satu hari kelak. Boleh dibuat, bukan tak boleh ya, Dato' Yang Dipertua.

Lepas tu daripada Sungai Lui, ya, kita setuju Yang Berhormat, perpaduan. Perpaduanlah kunci kepada segala-galanya. Tanpa perpaduan macam mana kaya pun negara kita, negara kita tak akan ke mana. Banyak negara-negara yang mempunyai sumber hasil yang kaya-kaya, ada emas, ada, ada berlian, ada macam-macam tapi sentiasa saja bergaduh di antara kabilah, di antara dia punya puak-puak. Lihat saja, dengan izin, negara di Afrika kan, kaya-kaya tapi sentiasa bergaduh, kan. Sekarang negara-negara lain pun bergaduh sesama sendiri. Kita jangan terjerumus sampai ke tahap terjerumus, kita tak boleh lagi duduk bersama. Apa sahaja pandangan, fahaman, pandangan yang berbeza, fahaman yang berbeza, kita alu-alukan. Kita raikan perbezaan pendapat dan pandangan. Tetapi jangan sampai kita berpecah, jangan sampai kita, orang kata bercelaru dan akhirnya nanti kita akan berpecah.

Dan apa yang tak baik seperti mana yang saya sebut, baru-baru ini ialah Dato' Yang Dipertua, wujudnya Daesh, wujudnya macam-macam, kadang-kadang wujudnya seperti kata tadi penghinaan terhadap

agama, penghinaan apa-apa kan. Dia orang ni kadang-kadang merasakan bahawa tidak ada tindakan drastik yang dilakukan, dan pulak terpanggil dan terpikat dengan ideologi yang dihidangkan dalam internet, macam-macam cara. Maka orang yang longgar skru kat atas ni Dato' Dipertua, dia tak fikir panjang, dia akan masuk. Dan mereka adalah bukan orang kecewa, orang yang *frustrated*, orang yang berfahaman yang radikal, dan dia kata "oh kerajaan tak buat apa-apa, aku akan buat sendiri, *I will joint this group and I will fight to the end of my life*". Haa itu kadang-kadang Dato' Dipertua, seperti menghidangkan *like a bee, we just present a bee, honey to the bees*, ataupun menghidang madu kepada lebah. Jadi, *if we all*, ataupun kalau, *if we all as a leaders here*, sebagai pemimpin kita *refrain ourselves*. Semua pemimpin *refrain* daripada bercakap yang boleh mendatangkan perkara sensitiviti, saya rasa tak ada masalah.

Mengapa kita boleh bina negara kita, tahun ini 59 tahun merdeka. Selama ini kita dah bina dengan baik. Kita bersefahaman, kita duduk sama-sama, mengapa kebelakangan ini saja semua tak boleh kan. Semua tak boleh, semua sensitif, cakap itu sensitif, cakap ini sensitif. Apakah ini rupanya rakyat Malaysia, yang dulu mula-mula merdeka, mak ayah kita tak pergi sekolah, hei mak ayah kita tak pergi sekolah tau. Arwah mak saya tak pergi sekolah, tak tahu membaca, tak tahu menulis. Tetapi dia tidak ada sikap ekstrem, sikap, sikap *chauvinist*, macam ni. Tapi mengapa sekarang kita dah pandai, purata rakyat Malaysia sekarang boleh dikatakan mereka mempunyai kelulusan SPM, tapi merupakan rakyat yang dah betul-betul berubah. Ini saya, saya tak tahu macam mana.

Di sekolah dulu saya masih ingat lagi, saya di sekolah Rantau, saya bercampur dengan semua orang, kan. *We go to school, we are very happy as a classmate, Chinese, Malay,, Indian*, semua ada. Mengapa sekarang kita tak boleh sekolah sama-sama. Mengapa sikit sensitif, sikit sensitif, sana sensitif, kan, kan. Dulu kalau kepala botak, kita panggil ané botak, macam, macam Senawang, ané, tak ada sensitif pun. Sekarang usik badan pun sensitif. Saya dulu ada kawan daripada kaum Sikh di Universiti Malaya, saya tanggalkan dia punya *turban*, tak ada pun sensitif. Sekarang bukan tanggal, sekali cucik, usik sikit pun, oh sensitif, tak boleh. Rakyat Malaysia ni makan apa? Kita makan apa Dato' Yang Dipertua? Semakin pandai kita, patutnya makin, semakin orang kata *wisdom* kita semakin tinggi, *become more visor* kan, tapi semakin sempit pemikiran kita. Saya pun tak reti.

Jadi, sebagai pemimpin, kita perlu memainkan peranan. Sebagai pemimpin, tanggungjawab kita untuk kita pastikan supaya benda-benda macam ni jangan lagi kita bakar, jangan lagi kita tambah minyak tapi kita menjadi sebagai orang yang menyelesaikan masalah. Kalau ini

ada dalam setiap dada setiap pemimpin, saya yakin Malaysia akan menjadi sebuah negara yang akan lebih aman dan lebih damai lagi.

We are blessed Dato' Yang Dipertua, dengan izin, kan. Negara yang aman damai. Tak tahulah kalau nak jadi Syria. Syria Dato' Dipertua, bangsa Arab, satu bangsa, satu bahasa, bahasa arab, satu agama, agama Islam. Tapi hari ini beratus orang mati dibunuh, berbunuhan satu sama lain. Malaysia, jangan main-main, orang Melayu, Cina, India, keturunan lain, kalau kita tak betul-betul jaga Dato' Yang Dipertua, kita akan musnah. Itulah yang saya takutkan. Itulah yang saya fikirkan bahawa kalau boleh, marilah sama-sama betulkan ya. *Please refrain ourselves*, betul kita nak menang pilihan raya, betul kita nak memerintah, betul saya nak mempertahankan kerajaan saya, betul saudara nak menang mengalahkan saya, tapi ada cara lain ya. Tunjukkan kita punya kewibawaan. Tunjukkan kita punya kredibiliti dan kewarasan kita. Apakah kita terus nak menghasut rakyat supaya membenci orang sebelah sana, membenci kaum itu, membenci agama itu. Nanti bak kata tadi, menang sorak kampung tergadai. Menang jadi arang, kalah jadi abu. Dan *for that matter*, jawabnya *is equal fail*, gagal. Kita tak mahu jadi sebuah negara yang gagal. Negara yang patutnya negara yang berjaya, bukan negara gagal. Banyak yang orang kata, apa kata, negara yang gagal. Itu menjadi *regressive*, bukan *progressive*, Dato' Dipertua.

Yang lain-lain tu, UiTM. Jalan UiTM tu ke, Gentam ke UiTM tu dah diluluskan, 900 ribu ringgit, kita besarkan jalan tu supaya senang orang nak berulang alik dan untuk budak-budak UiTM, kalau nak menyewa kat Gentam pun. Dan dia *shortcut* tu kan, nak pergi Kuala Pilah, kita dah luluskan 900 juta ya, 900 ribu. 900 juta seluruh Negeri Sembilan.

Masjid, ya, imarahkan masjid, anak-anak muda. Kita bina masjid, tapi imarahkanlah. Satu nak ingat, saya nak cakap dalam Dewan ni Dato' Dipertua, masjid ni sekarang ni kita adalah kepunyaan Majlis Agama Islam ya, masjid, tanah-tanah dia semua kepunyaan Majlis Agama Islam. Pengerusi masjid, jawatankuasa masjid kita amanahkan jaga masjid, urus masjid. Jangan jadi tuan punya masjid ya. Jadi tuan punya masjid pulak dia, ya. Kita lantik dia mengurus masjid. Jangan berperangai macam menjadi tuan punya masjid. Itu tak betul. Menjadi pengurus dia ada dia punya perancangan. Menjadi pengurus dia ada dia punya KPI. Macam mana nak bawak orang datang, macam mana nak alu-alukan orang datang, macam mana nak ceriakan, macam mana nak pelbagaikan. Tapi ramai orang kita, saya mintak maaf cakap, kadang-kadang orang marah saya cakap Dato' Dipertua, tetapi jangan berperangai macam jadi tuan punya masjid ya. Macam apa kadang-kadang, itu tak bolehlah, ini tak boleh. Semua tak boleh.

Eh, kerajaan bina bukan, Majlis Agama Islam bina Dato' Yang Dipertua, untuk kegunaan orang ramai. Jangan semua tak boleh, ini tak boleh, budak-budak muda nak duduk tak boleh, macam mana orang muda nak datang. Apa program yang dibuat. Cuba bentang, cuba tanya dengan satu pengerusi masjid, boleh bentang satu tahun apa program. Betul pengisian fardu ain, betul. Tetapi jangan lupa, dalam hidup kita, bukan fardu ain saja, tapi fardu kifayahnya untuk membina negara ini Dato' Yang Dipertua, lebih penting, kan. Fardu kifayah-nya di mana. Guna, *you* tak tahulah fardu kifayah, *you* jangan dengar macam tu saja, beriya sangat dengar saya apa hal? Fardu kifayah-nya tak ada, kan. Menegakkan ekonomi, men, apa, menyatupadukan rakyat apa semua, itu semua perlu Dato' Yang Dipertua.

Itu sebabnya Majlis Agama Islam nak pastikan supaya masjid menjadi institusi masyarakat. Itu sebabnya saya putuskan, Majlis Agama Islam putuskan supaya menara akan menjadi sebagai menara telekomunikasi, untuk kita menarik minat. *That will be a pull of factor to the young generation to come to the mosque*, dengan izin. Dah ada besok, jangan halau-halau pulak orang. Kotorlah masjid, susah nak basuh tandaslah, itu alasannya yang kadang-kadang yang kita dengar. Sebab orang, apasal tutup pintu pagar? "Orang gunakan tandas kita". Kadang-kadang Dato' Dipertua, *lotéhlah ya, really burnt out* Dato' Dipertua, dengan izin.

Yang lain-lain Dato' Yang Dipertua, masyarakat miskin, hari raya, air, tangki *spare* itu kita akan apa, itu memang dari masa ke semasa. Kesesakan jalan raya, satu pandangan yang amat baik ya YB, iaitu di Sawah Liat tu nanti. Saya harap supaya JKR, jadi bila jalan yang lama tu bengkok begitu, jalan besok lurus, lori jangan dibenarkan masuk, notis *kék* situ, lori lebih pada tiga tan masuk jalan situ. Lepas tu dia nak keluar daripada lencongan besok, dia kena tengoklah, kereta dah tak ada baru dia keluar ya. Supaya di situ salah satu sebagai orang kata lorongan memotong semula jadi. Satu cadangan yang baik. Dan jugak boleh jugak JKR dipertimbangkan, jalan yang lurus daripada Ulu Bendul sampai ke Bukit Putus tu adakan jugak lorong memotong begitu, supaya orang boleh memotong.

Sebenarnya tak sesak seperti mana yang disebut, sebenarnya tak sesak. Dato' Dipertua, jalan tak patutnya sesak. Tetapi yelah kadang-kadang kerana suami isteri kan, lalu situ, isteri nak beli *potai*, laki, lelaki nak *boli tolo* itik, *lamo-lamo beronti kék tongah-tongah* jalan Dato' Dipertua, langsung orang *jam*. So, apa payahnya. Nak kita tutup gerai tu karang, menjadi isu. Nak kita longgokkan, dah pernah kita nak longgokkan dah, nak pergi ke, di Terachi ataupun di, di Terachi tu. Simpang nak pergi ke istana. Mereka ni kadang-kadang Dato' Dipertua, dia bukannya berniaga sepenuh masa, dia berniaga sementara menunggu asar,

sementara menunggu maghrib dia berniaga kan. Jadi kadang-kadang susah jugak kita nak buat.

Tapi inshaa Allah, Dato' Dipertua, jalan swasta yang, yang, yang, yang kita cadangkan, EPU nampaknya *very receptive* Dato' Dipertua, ataupun dengan izin Dato' Dipertua, EPU dah mintak dah. Ada satu dua syarikat ataupun ada satu syarikat menemu Kerajaan Negeri Sembilan atas EPU punya arahan untuk membuat kajian jajaran. Kita telah mintak supaya jajaran tersebut jangan lalu dalam kampung sangat, kurangkan pengambilan tanah orang kampung. Supaya ambil jalan di gigi, pergigian hutan, belakang Langkap, Talang, lepas tu pergi ke Tengkek, Dato' Dipertua, dan terus keluar ke Serting dan seterusnya pergi ke sempadan Pahang. Inshaa Allah, Dato' Yang Dipertua.

Berkenaan dengan Mantai Perdana, saya dah jawab tadi. Mantai perdana ni satu kejayaan. Kita boleh jual 20.00 ringgit. Tak rugi Dato' Dipertua, dia tak rugi. Peniaga, penternak Dato' Dipertua, dia jual 20.00 ringgit, tak rugi. Macam mana kat luar sampai 30 – 40.00 ringgit. Jelas sekali bahawa proses pengambil keuntungan yang teramat sangat, Dato' Dipertua. Daging kerbau 38.00 ringgit. Saya tanya apa pasal daging kerbau sampai 38.00 ringgit daripada 32.00 ringgit? "Oh, GST" dia kata. Semua *conveniently blame* GST, GST. Dato' Dipertua tau kerbau makan apa? Dato' Dipertua tau kerbau makan apa? Kerbau makan rumputlah ané. Rumput ada GST ke? *So what the hell is GST you blame*, dengan izin ya. Apa kena mengena GST dengan harga kerbau? Tapi dia kata GST haa, kerbau makan rumput, rumput *free* tau. Makan rumput dalam ladang, *free*, tak ada GST, tapi kerbau naik 38.00 ringgit sebab GST.

Ini jelas menunjukkan bahawa, kita boleh buat. Itu sebabnya saya buat Mantai Perdana. Boleh jadi kita buat besok, boleh jadi, tapi yang nak kita buat ialah supaya kumpulan sasar dapat menerima faedahnya melalui Baitulmal kita. Tapi untuk mencukupkan daging, nak buat seluruh, saya rasa kepala-kepala daerah ataupun Pegawai Daerah, *sorry*, apa, Pegawai Daerah boleh, boleh, boleh, boleh apa, apa kita [percakapan oleh Y.B. ADUN Port Dickson tidak dapat dirakam kerana alat pembesar suara beliau tidak diaktifkan] ... apa *you* tahu Ravi. Pegawai Daerah ya, bersama kerjasama. Kalau nak buat mantai perdana masing-masing, kumpulkan penternak-penternak. Kumpulkan penternak-penternak di kawasan masing-masing daripada dia menunggu daripada tiga hari di tepi jalan, lebih baik kumpulkan satu tempat, buat Mantai Perdana Kuala Pilah, Mantai Perdana Tampin, Mantai Perdana Port Dickson, *Ghombau, Jompol, buek*, ya, kita boleh buat. Dan mana-mana penternak yang, yang mengambil bahagian di Seremban tu, kalau dia dari Kuala Pilah, kita suruh dia pergi Kuala Pilah, ya.

Boleh buat, teruskan, supaya, supaya program Mantai Perdana. Sebab mantai ni, Dato' diper, Dato' Dipertua, ialah satu, satu nama yang unik ya. Satu perkataan unik, tak ada di negeri lain, orang tak faham apa itu mantai. Negeri Sembilan ini adalah mantai, satu hari sebelum puasa, hari mantai. Hari mantai kan. YB Sikamat faham ke, mantai kan. Kalau tak faham, dah lama masuk PKR, tak tahulah kan, ya. Mantai ini satu hari sebelum hari, hari puasa, hari raya, hari raya puasa ke, Hari Raya Aidiladha. Kalau Pegawai Daerah nak buat, saya boleh, saya boleh tolong, kita boleh tolong Dato' SS kan. Kita kumpulkan penternak, Jabatan Veterinar boleh tolong, mana-mana penternak kita kenal pasti.

Dan mana-mana yang dapat tempat di ladang satelit-satelit tu Dato' Hasim, Yang Berhormat ADUN ataupun Yang Berhormat Exco pertanian, kita kena letak satu syaratlah, kita bagi *you* tempat baik dengan syarat setiap tahun ambil bahagianlah ya. Ada dalam 20 ternak kan, ladang satelit. Tahun depan Dato' Dipertua, saya nak mensyaratkan supaya semua reban-reban ayam yang besar-besar Leong Hup ke, CP ke Dato' Dipertua, *you are enjoying yourself in Negeri Sembilan*, dengan izin, *participate*-lah kan. Saya nak 10 ribu ayam misalnya, semasa Mantai Perdana, 10 ribu ayam, ataupun 10 ribu sikit saja, sebab ladang beratus-ratus ribu kan. Di Seremban 10 ribu, 5 ribu Kuala Pilah, 5 ribu di Jempol, 5 ribu ekor di Tampin, 5 ribu ekor di Jelevu, di Rembau, jual harga, harga yang kita tetapkanlah ya, boleh, dia boleh jual murah. Harga daripada *farm* murah Dato' Dipertua, tapi kadang-kadang orang ketiga memainkan peranan, jadi ayam ni mahal. Itu hari kita boleh jual murah pun, ya..... [percakapan oleh Y.B. ADUN Senawang tidak dapat dirakam berikutan alat pembesar beliau tidak diaktifkan].....Mahu cakap berdiri tau, silakan berdiri, apa?

Y.B. ADUN Senawang: Penternak ayam ada GST.

Y.A.B. ADUN Rantau: Kita boleh atur, sekurang-kurangnya 50 sen, 80 sen lebih murah. Macam itu hari kita kurangkan 50 sen daripada harga pasaran. Itu pun kita bukan nak cakap dengan tuan punya ladang lagi. Tahun depan Dato' Yang Dipertua, saya dah bincang dalam exco, saya nak bagi *advance notice*, amaran awal ataupun bukan amaranlah, makluman awal kepada ladang-ladang ini, CP Chicken beratus ribu dia punya ayam, Leong Hup, kita buat, kalau perayaan *Chinese New Year* ke, Deepavali ke, kita, kita boleh uruskan. Kita buat supaya kita dapat tentukan supaya semasa musim perayaan janganlah ambil untung terlampau melampau kan. Orang nak berhari raya, dia tahu orang nak raya Dato' Dipertua, orang akan beli. *Have no choice*. Orang tak ada pilihan. Orang nak raya. Takkan nak tengok anak-anak tak makan.

Ada tak ada duit pun, beli jugak. Tetapi bayangkan 20.00 ringgit kita jual, di luar 32.00 ringgit, 35.00 ringgit, satu kilo 15.00 ringgit. 15.00 ringgit bagi orang miskin Dato' Dipertua, kalau satu kilo beli. Mana ada orang beli daging satu kilo. Kata dua kilo. 30.00 ringgit. Kalau beli tiga kilo, 45.00 ringgit boleh dijimatkan Dato' Dipertua, boleh beli beras, boleh beli pulut, boleh beli macam-macam untuk anak-anak di rumah ya. Inilah maksud yang tersirat, yang kita nak buat Mantai Perdana.

Tetapi, yelah orang sepatutnya kan, saya dah kata dah, orang yang, orang yang senang, orang yang mewah, tak usahlah beratur kat situ, saya tengok BMW 7 Series, pakai, pakai 4x4 besar-besar, itu pun kita buat lorong orang OKU dan miskin. Kalau tidak berebut-rebut Dato' Dipertua. Jadi, itu sajalah ya.

Y.B. ADUN Sikamat: Yang Amat Berhormat, berhubung dengan Raya Haji yang makin hampir ni, bolehkah Kerajaan Negeri menyediakan lembu-lembu yang harga yang berpatutan kerana kita maklum musim haji, lembu harga 4 ribu, 3008, jadi ini terlalu mahal, seekor.

Y.A.B. ADUN Rantau: Kita sedang meninjau, melihat ya. Dan ada beberapa ladang yang telah pun bersetuju untuk kita menghadkan harga siling lembu bulat ataupun lembu hidup ya. Memang tak masuk akal sampai 4 ribu satu ekor. Mana mampu kan. Jadi, itu lembu korbanlah. Kalau orang nak berkorban ni, maknanya orangnya yang mampu. Tapi hari raya, Dato' Yang Dipertua, orang yang bukan tak mampu pun perlu makan daging. Hari korban ni orang yang mampu nak berkorban. *Not so bad*. Itu pun kita perlu pantau. Tapi hari raya Dato' Dipertua, orang yang miskin pun nak raya jugak. Bukan orang kaya ja nak raya. Orang miskin lagi nak raya Dato' Dipertua, anak yatim, *for all we know*, ataupun dengan izin Dato' Dipertua, itulah kali pertama agaknya dia nak makan daging setahun sekali kan. Kita tak tahu kan. Agaknya tulah setahun sekali nak makan daging. Itupun emak ayah tak mampu, ibu tunggal tak mampu beli daging. Jadi kita akan buat dan kita akan pastikan supaya ini akan dapat kita lakukan dengan terbaik mungkin dan mencapai kita punya kumpulan sasarlah. Hasrat kita.

Dato' Dipertua, saya ucap sekali lagi terima kasih kepada semua. Selamat Hari Raya, selamat Deepavali ya. Deepavali bila? Bulan 10? Bila tak tahu? Belum tengok anak bulan lagilah? Sendiri taruklah bila. Selamat Deepavali, Dato' Yang Dipertua ya. Dan kepada kita semua, kita bertanggungjawab untuk kita terus berkhidmat kepada masyarakat yang kita wakili. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya tangguhkan persidangan kali ini, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat, ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, media massa dan urusetia persidangan yang telah sama-sama menjayakan persidangan kita kali ini. Sementara itu, saya juga nak memberikan makluman bahawa pertanyaan-pertanyaan lisan yang tak, tidak sempat dijawab pada kali ini akan diberi jawapan secara bertulis. Seterusnya saya jugak mengambil kesempatan untuk menjemput Yang Amat Berhormat, ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, petugas media, dan semua yang hadir ke Dewan Serbaguna, Wisma Negeri untuk jamuan makan tengah hari. Dengan itu saya menangguhkan Persidangan Dewan ke satu tarikh yang akan diberitahu kelak.

[Persidangan Dewan ditangguhkan pada jam 1.05 petang]